



SURUHANJAYA  
**INTEGRITI**  
AGENSI PENGUATKUASAAN

# LAPORAN KONVENTSYEN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2013

LAPORAN KONVENTSYEN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2013



---

SURUHANJAYA INTEGRITI  
AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
BLOK MENARA, NO.18 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2, 62652 PUTRAJAYA

03 8888 1904  
03 8888 6526  
[www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

---



**LAPORAN  
KONVENTSYEN  
SURUHANJAYA  
INTEGRITI AGENSI  
PENGUATKUASAAN  
2013**

**CETAKAN PERTAMA, 2013**

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperoleh daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti, sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan.

Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BANGUNAN MENARA USAHAWAN, BLOK MENARA**  
**NO 18. PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA**

**[www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)**

# ISI KANDUNGAN

**MS**

KATA-KATA ALUAN DATUK HELILIAH MOHD YUSOF  
PENGERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI  
AGENSI PENGUATKUASAAN

PENDAHULUAN

SESI PERTAMA : FORUM SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI  
PENGUATKUASAAN : SATU ANALISIS KRITIKAL

SESI KEDUA : TITAH DIRAJA DULI YANG MAHA MULIA  
PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN

RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

**7**

**11**

**13**

**25**



**MS**

**33**

**42**

**52**

**63**

**99**

LAMPIRAN

Lampiran 1

Teks ucapan Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan  
(Mantan Ketua Setiausaha Negara)

Lampiran 2

Slaid pembentangan Datuk Dr. Khaw Lake Tee  
(Naib Penggerusi SUHAKAM)

Lampiran 3

Teks ucapan Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad  
(Mantan Ketua Hakim Negara)

Lampiran 4

Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

Lampiran 5

Aturcara



## KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

SURUHANJAYA INTEGRITI  
AGENSI PENGUATKUASAAN

**DATUK HELILIAH  
BINTI MOHD YUSOF**

Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Abdul Hamid Mohamad,  
Mantan Ketua Hakim Negara.

Yang Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan,  
Mantan Ketua Setiausaha Negara.

Yang Bhg. Datuk Dr. Khaw Lake Tee,  
Mantan Naib Pengurus SUHAKAM.

Y.Bhg. Tan Sri, Datuk-Datuk,  
Dif-dif Kehormat,  
Para jemputan yang dihormati,

**Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.**

Saya bersyukur dengan iradhat Allah S.W.T, kita dapat bersama pada hari ini. Konvensyen ini dianjurkan untuk memperingati setelah genap dua tahun dan 3 minggu, apakah objektif Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan diwujudkan. Terlebih dahulu saya mengalau-alukan kehadiran panelis-panelis yang dihormati serta anggota agensi-agensi penguatuasaan. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dihargai.

Suruhanjaya ini diwujudkan sebagai suatu respons positif untuk menangani dan menyangkal suatu anggapan negatif bahawa anggota-anggota agensi-agensi penguatuasaan dalam melaksanakan perkhidmatan mereka terlibat dengan salah laku yang diberi definisi yang luas dalam Akta 700.

8

Pegawai-pegawai penguatkuasa memikul amanah memelihara kedaulatan undang-undang dan dengan itu terdedah kepada pelbagai penelitian oleh individu serta badan-badan bukan kerajaan di dalam dan luar negeri. Dalam suasana yang bergolak dengan pembangunan serta globalisasi cabaran-cabaran juga meningkat.

Setakat ini, adalah didapati agensi-agensi penguatkuasaan menghadapi cabaran dari luar dan dalam (extrinsic dan intrinsic). Faktor pembangunan yang pesat diiringi dengan globalisasi mendedahkan negara kita kepada penjenayah yang makin canggih (atau *sophisticated*). Anggota agensi penguatkuasaan wajib peka dan sedar agar mereka tidak terheret dan terlibat dengan tarikan godaan. Adakah Akta ini memadai untuk menjadi benteng? Akta ini bukan wujud untuk memberi gambaran ianya ‘*People versus Enforcement Agency*’ dan sebaliknya. Akta ini memberi peringatan mengenai cabaran dalaman iaitu keluhuran kita. Integriti merangkumi soal akhlak. Akhlak yang sempurna dan baik perlu dipupuk, dipelihara secara berterusan. Akhlak yang baik memerlukan santapan rohani. Santapan rohani wajib diisi dengan ilmu yang baik, difahami dengan sebenarnya dan seterusnya diamalkan.

Soal integriti bukan untuk didendangkan sebagai satu tema, untuk suatu musim atau sebagai slogan. Integriti ialah perkara berterusan untuk memelihara keutuhan diri dan undang-undang. Ia melibat usaha pihak individu, pegawai penguatkuasaan, pihak pentadbiran parti-parti politik, badan kehakiman, badan korporat, institusi kewangan malahan seluruh masyarakat.

Dengan menyedari hakikat ini, wajar bersama kita manfaatkan sesi yang diadakan pada hari ini iaitu mengambil satu lagi langkah untuk mengetahui dan memahami peranan dan cabaran-cabaran yang kita hadapi.

Tanpa kerjasama sepada dari ahli panel dan peserta-peserta sesi yang diaturkan, tidak akan tercapai matlamatnya.

Bagi pihak seluruh warga Suruhanjaya Integriti saya ingin mengulangi ucapan penghargaan terhadap panelis-panelis dan peserta-peserta dari semua agensi yang hadir. Selaku Pengurus Suruhanjaya Integriti saya juga ucapkan terima kasih kepada tiap-tiap pegawai Suruhanjaya Integriti yang bertungkus lumus bagi menjayakan Konvensyen ini. Semoga usaha kita diberkati Allah S.W.T.

9



Dari kiri Dato' Sri Robert Jacob Ridu, Datuk Heliliah Mohd Yusof, DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah, Tan Sri Dr. Zulkifli A. Hassan dan Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar.

## PENDAHULUAN

Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah dianjurkan pada 20 Mei 2013 bersempena ulang tahun kedua penubuhan Suruhanjaya ini sejak tahun 2011. Bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Konvensyen ini telah dihadiri oleh 514 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan agensi-agensi penguatkuasaan seliaan Suruhanjaya, agensi-agensi berkepentingan (*stakeholders*) serta badan bukan Kerajaan seluruh negara.

Objektif utama Konvensyen ini adalah untuk menjana perbincangan dalam menilai keberkesanan penubuhan Suruhanjaya ini semenjak 1 April 2011.

Pengisian Konvensyen ini terbahagi kepada sesi Forum yang bertajuk Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan : Satu Analisis Kritikal dengan ahli panel jemputannya iaitu Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Mantan Ketua Setiausaha Negara), Datuk Dr. Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi SUHAKAM), Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad (Mantan Ketua Hakim Negara) dan sesi Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah yang bertajuk Ke Arah Memperkasakan Integriti.

# KONVENSYEN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

ISNIE 20 MEI 2013



## SESI PERTAMA : FORUM SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN : SATU ANALISIS KRITIKAL

Sesi pertama telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar. Beliau memulakan sesi dengan memberikan serba sedikit penerangan mengenai objektif Konvensyen serta tajuk-tajuk yang akan dibentangkan. Beliau kemudian memperkenalkan barisan ahli-ahli panel iaitu Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohd (Mantan Ketua Hakim Negara), Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Mantan Ketua Setiausaha Negara) dan Datuk Dr Khaw Lake Tee (Mantan Naib Pengerusi SUHAKAM ketika itu). Latar belakang ahli-ahli panel terdapat di bahagian lampiran laporan ini.

### AHLI PANEL PERTAMA: TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN

Tajuk : ***Integrity Under Scrutiny, Consequences Are Serious***

Dalam menyampaikan ucapannya di sesi forum ini, Tan Sri Sidek Hassan menekankan bahawa integriti adalah suatu nilai yang terpenting untuk semua. Menurut beliau lagi penubuhan beberapa agensi begitu banyak institusi berkaitan dengan integriti seperti Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) seolah-olah memberi gambaran sama ada, Malaysia sedang menghadapi krisis integriti atau pun Malaysia begitu bersemangat untuk memupuk nilai integriti dalam kehidupan.

**14**

Beliau berpandangan bahawa masalah integriti tidak seharusnya timbul di Malaysia sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah negara Islam dan terkenal dengan budaya ketimurannya, jika dibandingkan dengan negara-negara Barat yang lebih liberal. Namun isu integriti lebih diutamakan di negara-negara Barat ini di mana integriti dikuatkuasakan bukan sahaja melalui undang-undang tetapi juga atas kesedaran diri individu itu sendiri. Beliau memetik contoh di mana Gary Hart yang mewakili parti Demokrat dalam pilihanraya Presiden Amerika Syarikat telah menarik diri daripada bertanding apabila berita mengenai hubungan sulitnya dengan seorang model tersebar luas di akhbar.

Menurut beliau juga, kesan daripada kemudahan internet sedia ada, isu mengenai salah laku boleh tersebar dengan pantas sekali dan sewajarnyalah tindakan susulan ke atasnya juga perlu diambil dengan cepat. Beliau berpandangan bahawa tindakan seseorang penjawat awam itu boleh memberikan kesan kepada keseluruhan Perkhidmatan Awam kerana ianya sering dilihat sebagai tindakan secara kolektif. Oleh kerana itu semua penjawat awam perlu menghayati dan mempraktikkan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau juga menekankan peranan orang ramai dalam menguatkuasakan integriti dan memberikan pandangan bahawa usaha untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai fungsi Suruhanjaya perlu ditingkatkan. Menurut beliau lagi keperihatinan orang ramai mengenai fungsi Suruhanjaya ini akan memberi kesan positif kerana penjawat awam akan sentiasa merasakan bahawa mereka diperhatikan oleh orang ramai. Menurut beliau lagi, untuk mempertingkatkan kesedaran, penguatkuasaan undang-undang perlu dijadikan suatu budaya dan orang ramai tidak sepatutnya berkompromi dalam isu integriti. Beliau juga merumuskan bahawa penguatkuasaan integriti akan lebih mudah jika orang

ramai turut terlibat dalam pemantauan; mempunyai kesedaran mengenai pentingnya integriti; dan mempunyai harapan bahawa setiap penjawat awam akan mendahuluikan Negara bukannya kepentingan diri.

Beliau juga berkongsi pengalamannya dalam menguatkuasakan peraturan mengenai tempoh masa pembayaran oleh jabatan-jabatan kerajaan dari 30 hari kepada 14 hari, di mana menurut beliau penguatkuasaan peraturan tersebut telah membolehkan 70% daripada bayaran dapat dibuat dalam tempoh 3 hari sahaja tanpa memerlukan penambahan tenaga kerja atau melonggarkan prosedur pembayaran. Menurut beliau lagi, penguatkuasaan peraturan tersebut dibuat dengan menyiaran secara telus statistik mengenai pembayaran bagi membolehkan orang ramai melihat sendiri prestasi pembayaran dan juga dengan membuat teguran ke atas Ketua Perkhidmatan yang gagal mematuhi Piagam Pembayaran.

Beliau juga berpandangan bahawa penguatkuasaan integriti perlu dihayati kerana integriti adalah sebahagian daripada diri manusia itu dan integriti adalah tanggungjawab setiap individu maka integriti harus dipupuk ke dalam diri setiap insan. Menurut beliau lagi, setiap individu berperanan untuk menjadikan integriti sebagai teras budaya kerja dengan melaksanakan tiga peranan iaitu menjauhkan diri, menunjuk ajar dan melapor.

Sebagai kesimpulan, beliau menyatakan bahawa integriti adalah merupakan suatu tanggungjawab kolektif semua pihak dan apabila integriti menjadi teras budaya kerja, keperluan untuk Suruhanjaya Integriti untuk wujud mungkin sudah tiada.

Menurut beliau lagi kewujudan Suruhanjaya tidak sepatutnya dilihat sebagai sesuatu yang kekal dan ianya perlu dilihat sebagai sesuatu yang bersifat jangka pendek.

**15**

**AHLI PANEL KEDUA : DATUK DR. KHAW LAKE TEE**  
**Tajuk : SUHAKAM and SIAP : Same Yet Different**

Datuk Dr. Khaw Lake Tee telah memberikan suatu analisa mengenai peranan yang dimainkan oleh kedua-dua badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan SUHAKAM.

Menurut beliau, secara amnya SUHAKAM bertanggungjawab untuk membantu melindungi hak asasi di Malaysia dengan memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung dengan hak asasi manusia; menasihat dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan-arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil berhubung hak asasi manusia; mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan dengan triti-triti antarabangsa yang berkenaan dengan hak asasi manusia samada kerajaan perlu menandatangani dan menyertai triti-triti tersebut dan menangani aduan terhadap perlanggaran hak asasi manusia.

Menurut beliau lagi, fungsi SUHAKAM dalam menangani aduan terhadap perlanggaran hak asasi manusia ini agak bertindan dengan tugas Suruhanjaya Integriti. Selanjutnya beliau berpandangan bahawa terdapat sedikit perbezaan di antara tugas SUHAKAM dengan Suruhanjaya Integriti iaitu dari segi bidang kuasa untuk menyiasat. Bidang kuasa SUHAKAM hanya terhad kepada perkara-perkara berkenaan hak asasi manusia sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahagian 2 seperti kebebasan seseorang; hak seseorang semasa ditahan; larangan perhambaan dan buruh paksa; perlindungan terhadap undang-undang retrospektif; larangan terhadap perbicaraan berulang; kesaksamaan; larangan buang negeri; kebebasan beragama; kebebasan bergerak; kebebasan bersuara; kebebasan

berhimpun; kebebasan berpersatuan; hak-hak terhadap pendidikan; dan hak kepada harta.

Menurut beliau, dalam menjalankan tugasnya SUHAKAM berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan, dan rujukan juga boleh dibuat kepada *Universal Declaration Of Human Rights / Pengisyntiharhan Hak Asasi Manusia Antarabangsa*, selagi ianya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Dalam membandingkan Akta 700 dengan Akta SUHAKAM, beliau berpandangan bahawa di dalam Akta SUHAKAM, perkataan integriti tidak ada disebut tidak seperti di dalam Akta 700.

Menurut beliau lagi, tugas Suruhanjaya Integriti adalah terhad kepada kesalahan ‘salah laku’ yang diperuntukkan dalam seksyen 24 Akta 700 dan bila mana hal perkara salah laku tersebut terjumlah kepada suatu perlanggaran hak asasi manusia, maka pertindanan kuasa boleh wujud di mana SUHAKAM juga mempunyai bidang kuasa terhadap hal-hal berkenaan.

Beliau memberikan beberapa contoh aduan di mana kedua-dua Suruhanjaya sama-sama mempunyai kuasa untuk menyiasat seperti penahanan berterusan (*prolong detention*); penahanan di bawah undang-undang penahanan preventif (*preventive detention law*); kematian dalam tahanan (*death during detention*) atau kematian orang tahanan polis/dalam pusat penahanan seperti imigresen; dan aduan berkenaan penderaan fizikal ke atas orang yang ditahan atau keadaan di dalam pusat-pusat tahanan. Menurut beliau lagi, jika salah laku anggota penguatkuasaan itu melibatkan perlanggaran hak asasi manusia, maka SUHAKAM juga mempunyai kuasa disamping Suruhanjaya Integriti.

Menurut beliau juga badan-badan atau agensi-agensi yang berada di bawah seliaan SUHAKAM adalah lebih luas berbanding Suruhanjaya Integriti kerana Suruhanjaya Integriti hanya mempunyai kuasa ke atas 19 agensi penguatkuasaan yang disenaraikan dalam Jadual Akta 700. Isu yang ditangani oleh SUHAKAM juga lebih meluas dari isu yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Integriti yang hanya melibatkan salah laku agensi penguatkuasaan.

Dalam membincangkan isu kuasa, menurut beliau dalam Akta SUHAKAM, perkataan “siasat” terdapat dalam Akta versi Bahasa Melayu sama seperti di dalam Akta 700 versi Bahasa Melayu. Namun, di dalam Akta SUHAKAM versi Bahasa Inggeris, perkataan “*power of investigation*” tidak ada di dalam Akta SUHAKAM tidak seperti Akta 700. Menurut beliau lagi Akta SUHAKAM hanya menyatakan perkataan “*inquiries*” dan walaupun SUHAKAM mempunyai kuasa “siasatan”, kuasa siasatan yang ada pada SUHAKAM tidak lengkap sebagaimana kuasa penyiasatan Suruhanjaya Integriti. Ini kerana kuasa siasatan SUHAKAM tidak meliputi kuasa untuk menubuhkan pasukan petugas untuk mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi yang diselia, mengenakan denda saksi-saksi yang enggan datang untuk disoal siasat, kuasa untuk waran bongkar dan kuasa menahan.

Mengakhiri ucapannya, Datuk Dr. Khaw Lake Tee menyatakan bahawa walaupun SUHAKAM mempunyai kuasa untuk menyaman saksi untuk hadir ke siasatan awal atau inkuiri yang dibuat oleh SUHAKAM, sekiranya saksi tersebut enggan hadir, SUHAKAM hanya boleh membuat laporan polis atau merujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan susulan diambil. Menurut beliau juga, SUHAKAM juga tidak ada kuasa untuk membuat susulan sama ada syor yang dibuat oleh SUHAKAM selepas sesuatu siasatan atau inkuiri itu telah diambil kira atau tidak oleh pihak yang disiasat, tidak seperti Suruhanjaya Integriti.

### **AHLI PANEL KETIGA: TUN DATO' SERI ABDUL HAMID HAJI MOHAMAD**

Dalam menyampaikan ucapannya Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad telah menggariskan 6 prinsip utama iaitu:

- Siasatan dan pendakwaan termasuk keputusan sama ada hendak mendakwa atau tidak hendaklah dilaksanakan oleh mereka yang mempunyai kelayakan profesional, terlatih dan berpengalaman;
- pertindihan tugas dan kuasa di kalangan agensi kerajaan hendaklah dielakkan kerana pertindihan ini memberi kesan kepada pencapaian agensi berkaitan;
- apabila sesuatu agensi itu menghadapi masalah integriti, ianya hendaklah ditangani dengan cara memperbaiki kelemahan agensi tersebut dan bukan dengan cara menubuhkan satu lagi agensi yang lain;
- aduan yang diterima terhadap sesuatu agensi itu tidak sewajarnya menjadi kayu pengukur bahawa agensi tersebut mengalami masalah integriti yang serius;
- penubuhan suatu agensi baru atas alasan politik atau atas alasan bahawa ianya wujud di negara lain adalah salah; dan
- integriti dalam seseorang individu hendaklah disemai sedari awal hayatnya dan dalam organisasi, integriti hendaklah diamalkan bermula dari pucuk pimpinan hingga ke akar umbi di mana pihak atasan hendaklah menjadikan diri mereka sebagai teladan.

Dengan memetik satu dari lapan fungsi yang disenaraikan di bawah Seksyen 4 Akta 700, iaitu untuk menerima dan menyiasat aduan terhadap salah laku pegawai penguatkuasa, beliau berpandangan bahawa pengwujudan 29 perjawatan semasa penubuhan Suruhanjaya adalah tidak setimpal dengan bilangan 19 agensi yang perlu dipantau oleh Suruhanjaya tambahan pula jumlah kasar pegawai dan kakitangan untuk 4 agensi sahaja iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan

20

Jalan, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia sudah mencecah seramai lebih kurang 154,900 orang.

Menurut beliau lagi, semenjak bulan September 2011 dan sehingga akhir tahun 2012, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 347 aduan dan daripadanya, 60 aduan telah diputuskan untuk dibuat penyiasatan penuh di mana hanya 3 aduan sahaja yang telah selesai dibuat siasatan penuh dan sebanyak 57 atau 95% aduan lagi yang masih tertunggak. Beliau berpandangan bahawa berdasarkan kepada tempoh masa yang telah diambil untuk menyiasat tiga kes tersebut, Suruhanjaya ini mungkin memerlukan tempoh 19 tahun untuk menyelesaikan baki kes yang tertunggak tersebut.

Beliau juga membuat teguran ke atas siasatan yang dilaksanakan oleh pegawai penyiasat walaupun di bawah Akta 700, penyiasatan penuh tersebut sepatutnya dilakukan oleh Pasukan Petugas. Mengenai Pasukan Petugas ini, beliau menyatakan bahawa setakat ini walaupun Suruhanjaya pernah memutuskan untuk menubuhkan Pasukan Petugas bagi menyiasat aduan yang timbul dari perhimpunan BERSIH, namun Pasukan Petugas ini masih belum dilaksanakan atas alasan bahawa SUHAKAM juga sedang menjalankan inkuiri terhadap aduan yang serupa dan Suruhanjaya masih menunggu laporan mengenainya daripada SUHAKAM. Menurut beliau lagi ini adalah merupakan suatu contoh pertindihan fungsi oleh SUHAKAM dan Suruhanjaya.

Beliau juga mempertikaikan tempoh masa 30 hari yang diperuntukan di bawah s. 27(3) Akta 700, untuk Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan penyiasatan ke atas aduan yang dirujuk oleh Suruhanjaya dan seterusnya memaklumkan keputusan siasatan yang dibuat kepada Suruhanjaya. Menurut beliau tempoh masa ini adalah tidak

realistik dan hakikatnya tidak satu pun siasatan yang dibuat oleh PBT atau SPM yang menepati tempoh masa 30 hari tersebut.

Menurut beliau lagi, fakta menunjukkan bahawa daripada jumlah 32 aduan yang dirujuk kepada PBT atau SPM untuk siasatan hanya 12 aduan (37.5%) sahaja yang dapat diselesaikan oleh PBT PDRM dalam tempoh 6 bulan dan selebihnya iaitu sebanyak 20 aduan (62.5%) masih belum dapat diselesaikan. Berdasarkan kepada dapatan siasatan yang dilakukan oleh PDRM terhadap 12 kes tersebut, 9 daripada aduan salah laku yang diadukan adalah tidak berdasas, 1 tindakan disiplin diambil terhadap pegawai yang diadukan dan 2 amaran telah diberikan terhadap pegawai yang diadukan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa 1 tindakan disiplin dan 2 amaran yang dikenakan terhadap pegawai penguatkuasa ini adalah terlalu mahal untuk bajet yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya sebanyak RM14 juta bagi tahun 2011 dan 2012.

Beliau berpandangan bahawa agak sukar bagi Suruhanjaya untuk mendapatkan pegawai yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang selayaknya. Menurut beliau lagi. Suruhanjaya tidak mempunyai pilihan selain daripada meminjam pegawai dari agensi lain dan ini tidak memberi jaminan bahawa pegawai yang dipinjam itu mempunyai pengalaman dan kepakaran yang selayaknya dan sepatutnya kerana pada kebiasannya adalah tidak mudah bagi agensi berkenaan untuk meminjamkan pegawai mereka yang terbaik.

Beliau juga berpandangan bahawa tempoh peminjaman yang singkat itu juga tidak menjamin seseorang pegawai yang dipinjamkan itu dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada Suruhanjaya. Menurut beliau lagi, pegawai yang dipinjam oleh Suruhanjaya akan mengambil masa untuk membiasakan dirinya dengan bidang tugas yang baru ini.

21

22

Beliau juga memberikan pandangannya ke atas keupayaan Suruhanjaya adalah berkaitan dengan keupayaan Suruhanjaya untuk bertindak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 700. Dengan mengambil contoh kesalahan jenayah, beliau berpandangan bahawa adalah sukar untuk Suruhanjaya ini yang hanya mempunyai 6 orang pegawai penyiasat untuk menyiasat salah laku jenayah yang membabitkan 19 agensi penguatkuasaan, terutama sekali apabila Suruhanjaya mulai dari 16 Mei 2013, hanya mempunyai seorang sahaja Pegawai Penyiasat.

Menurut beliau lagi, memandangkan Suruhanjaya juga tidak mempunyai kuasa untuk merujuk aduan berhubung dengan perlakuan kesalahan jenayah dibawah undang-undang selain daripada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, adalah perlu bagi Suruhanjaya untuk menyiasat semua aduan berhubung dengan perlakuan jenayah tersebut dan kewujudan Suruhanjaya yang hanya berpusat di Putrajaya juga akan menyukarkan proses siasatan kerana aduan dan saksi berada di seluruh Malaysia.

Susulan daripada itu, beliau telah membangkitkan beberapa isu iaitu:

- Kemampuan Suruhanjaya untuk mengendalikan aduan berhubung dengan salah laku dan perbuatan jenayah yang mungkin dilakukan oleh seramai 160,000 orang.
- Kemampuan Pegawai Penyiasat dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Suruhanjaya dalam mengendalikan aduan orang ramai jika sekiranya orang ramai membuat pilihan untuk mengadu kepada Suruhanjaya dan bukannya kepada Polis.
- Kemampuan Pegawai Penyiasat dari segi kepakaran, pengalaman, kemudahan dan peralatan yang sewajarnya untuk menjalankan siasatan dengan memuaskan.
- Kemampuan Pegawai Penyiasat yang berpusat di Putrajaya untuk menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima di seluruh Malaysia yang sudah

semestinya akan menjadi sukar, memakan masa dan melibatkan kos yang tinggi.

- Kemampuan Pegawai Penyiasat jika dibandingkan dengan rakan sejawatan mereka di SPRM untuk menyiasat kes-kes rasuah jika Suruhanjaya memutuskan untuk menjalankan siasatan penuhnya sendiri setelah meneliti laporan daripada SPRM berhubung dengan aduan yang dirujuk kepada SPRM.
- Peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya-Pesuruhjaya berhubung dengan Kertas Siasatan, dimana Pendakwa Raya dan Timbalannya sudah berada dalam posisi yang lebih baik untuk membuat keputusan sama ada sesuatu pendakwaan itu patut diteruskan atau tidak dan rujukan kepada Pesuruhjaya hanya menyumbang kepada kelewatan siasatan.

Sebagai kesimpulan kepada ucapannya, beliau mengemukakan beberapa persoalan untuk dijawab oleh peserta Konvensyen iaitu:

- Kewajaran aduan berkaitan dengan perlakuan jenayah oleh anggota penguatkuasa dimasukkan dalam skop fungsi Suruhanjaya.
- Kewajaran sesuatu siasatan jenayah itu dijalankan oleh agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan siasatan jenayah dan penambahbaikan dibuat jika perlu.
- Kewajaran Suruhanjaya meneruskan fungsinya untuk menerima aduan berhubung dengan aduan salah laku.
- Kewajaran untuk Jawatankuasa Tatatertib agensi penguatkuasan yang berkenaan untuk mengendalikan aduan salah laku.
- Kewajaran kita untuk tidak menggunakan Suruhanjaya Pasukan Polis yang ditubuhkan di bawah Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Negara dan lain-lain dalam menangani masalah disiplin.

23



Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah mencermati dulu menyampaikan titahnya yang bertajuk Ke Arah Memperkasakan Integriti

## **SESI KEDUA : TITAH DIRAJA DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PERAK DARUL RIDZUAN Raja DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

Titah Diraja bertajuk Ke Arah Memperkasakan Integriti telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam menyampaikan Titah di Majlis Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan mengaitkan integriti dengan akhlak. DYMM Tuanku bertitah bahawa perkataan integriti itu sendiri berasal dari perkataan Latin, iaitu “interger” yang bermaksud sempurna, syumul, kejujuran, keikhlasan, ketelusan dan keutuhan.

Menurut DYMM Tuanku lagi, integriti didukung oleh semua agama dan bagi orang Islam, integriti ini ditekan bukan sahaja di dalam Al-Quran bahkan di dalam sunah Nabi Muhammad S.A.W. Dalam hal ini, DYMM Tuanku selain dari memetik Ayat 27 surah al-Anfal, juga memberikan contoh di mana integriti itu juga didokong oleh agama lain sebagaimana yang terkandung dalam Injil, Bhagavad Gita, ajaran Guru Nanak, ajaran Buddha serta Confucious.

DYMM Tuanku juga telah membuat kajian kes di beberapa Negara Asia iaitu Filipina, Jepun dan India apabila integriti ini diperkotak-katikan oleh mereka yang dipertanggungjawabkan dengan amanah. Memetik contoh di Filipina, DYMM Tuanku bertitah bahawa Filipina sebagai sebuah Negara kaya di Asia selepas kemerdekaannya pada 4 Julai 1946, telah menjadi sebuah Negara miskin dalam tahun 80an akibat daripada amalan kronisme Presiden Marcos. Walaupun Presiden Marcos telah

26

memperkenalkan 5 agensi pencegah rasuah dalam tempoh pemerintahannya, namun ia tidak bermakana bahawa Filipina terkecuali dari masalah rasuah bahkan Presiden Marcos sendiri telah menyalahgunakan harta negara sehingga menyebabkan kekayaan peribadinya melebihi separuh daripada hutang Negara walaupun pendapatannya sebagai Presiden hanyalah berjumlah 57,750 Pesos (USD\$1,321.00) sebulan.

Menurut DYMM Tuanku lagi kesan daripada salah laku ini, Presiden Marcos digulingkan dan isterinya Imelda Marcos didakwa atas tuduhan menyeleweng USD\$863 juta. DYMM Tuanku merumuskan bahawa pengajaran yang diperolehi daripada kajian kes ini memperlihatkan bahawa walaupun di Filipina telah wujud berbagai macam agensi untuk menangani rasuah, ianya tidak bermakna apabila undang-undang itu hanya berperanan sebagai kosmetik.

DYMM Tuanku juga membincangkan kes skandal rasuah yang melibatkan urusan pembelian senjata di India, di mana Tehlka.com telah mendedahkan skandal rasuah yang melibatkan Presiden Parti Bharatiya Janata, Bangaru Laxman yang telah menerima sogongan sejumlah Rs100,000.00 (USD\$2,170.00). Kesan daripada pendedahan ini menyebabkan Menteri Pertahanan India, George Fernandez meletakkan jawatan dan Bangaru Laxman serta 4 orang Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan digantung kerja.

Menurut DYMM Tuanku lagi pendedahan tersebut membawa kepada kemusnahan Tehlka.com. Walaupun pendedahan tersebut itu dipuji oleh rakyat, pihak Kerajaan pula telah mewar-warkan Tehlka.com sebagai alat kepada Parti pembangkang. Ketua Pengarang Tehlka.com pula telah didakwa atas kesalahan moral, iaitu menawarkan pelacur kepada pegawai tentera dan Shanker Sharma, penaja kepada

Tehlka.com telah dipenjarakan tanpa dakwaan. Menurut Tuanku kajian kes di India ini memperlihatkan bahawa kebebasan demokrasi dan kebebasan bersuara tidak membantu pembendungan rasuah malah masalah rasuah semakin merebak apabila perbelanjaan asal Sukan Komanwel Delhi pada tahun 2010 meningkat kepada USD\$5 biliar daripada USD\$5 juta.

Dalam kajian kesnya yang ketiga, DYMM Tuanku memberikan contoh di mana Kakuei Tanaka telah didakwa di Mahkamah Daerah Tokyo berhubung dengan skandal rasuah yang melibatkan pembelian 21 pesawat Airbus Lockheed L-1001 Tristar apabila Jawatankuasa Senat Amerika Syarikat dimaklumkan bahawa Lockheed Aircraft Corporation telah melakukan bayaran yang menyalahi undang-undang untuk mempengaruhi pembelian pesawat oleh Jepun. Menurut DYMM Tuanku, Tanaka telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum penjara 4 tahun serta denda sebanyak 500 juta Yen.

Menurut DYMM Tuanku lagi kesan di Jepun pula menyaksikan pertambahan populariti Kakuei Tanaka dimana beliau telah memenangi pilihanraya bagi kawasan Niigata. Beliau juga terlepas daripada menjalani hukuman kerana ketika beliau meninggal dunia pada tahun 1993, proses rayuannya masih berjalan dan beliau dianggap sebagai pemimpin yang mengambil berat akan nasib rakyat. Bagi Jepun pula, walaupun Indeks Persepsi Rasuah Transparency International menempatkan Jepun di tangga ketiga, structural corruption di Jepun menjadi begitu endemik dalam sistem yang dikawal oleh oligarki yang mengamalkan politik naungan atau politik imbuhan.

DYMM Tuanku juga memberikan 3 contoh yang memaparkan kesungguhan dan ketegaran negara, kerajaan dan pemimpin dalam menangani rasuah iaitu yang melibatkan Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura.

27

28

DYMM Tuanku memuji sikap negarawan yang ditunjukkan oleh Presiden Kim Young Sam apabila beliau telah mengambil pendirian tegas untuk memisahkan politik dengan perniagaan. Ini berlaku apabila beliau memilih untuk tidak melindungi anaknya, Kim Hyun Chol yang dijatuhi hukuman penjara 3 tahun atas kesalahan rasuah berhubung yang melibatkan HANBO Iron and Steel Company.

Berhubung dengan Hong Kong, DYMM Tuanku telah memetik contoh yang melibatkan perlakuan rasuah oleh Ketua Superitenden Peter F. Godber, Timbalan Komander Polis Daerah Kowloon, yang memiliki kekayaan mencecah lebih HKD\$4.4 juta pada tahun 1973.

Menurut DYMM Tuanku lagi, Gabenor Jeneral Hong Kong, Sir Murray MascLehose yang peka dengan tuntutan rakyat telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan yang membawa kepada penubuhan The Independent Commission Against Corruption (ICAC) yang menyaksikan akhirnya Peter F. Godber dibawa pulang ke Hong Kong untuk dibicarkan. Menurut Tuanku, sebelum penubuhan ICAC, amalan rasuah di Hong Kong diterima sebagai suatu kelaziman dan penubuhan ICAC ini yang memfokuskan kepada tiga perkara iaitu, siasatan, pencegahan dan pendidikan membuktikan kesungguhan Kerajaan Hong Kong dalam mengambil tindakan untuk membanteras jenayah rasuah.

Berhubung dengan Singapura, DYMM Tuanku merujuk kepada rasuah yang melibatkan Menteri Pembangunan Negara, Tan Kia Gan pada tahun 1966 yang telah diarahkan untuk meletak jawatan kerana disyaki terlibat membantu kenalannya dalam urusan pembelian pesawat Boeing Malaysian Airways, walaupun tiada saksi yang tampil untuk memberikan keterangan. Rujukan juga dibuat terhadap tindakan yang diambil terhadap Minister of State, Wee Toon Boon yang telah dihukum

penjara selama 4 setengah tahun atas dakwaan menerima sogokan daripada pemaju dan siasatan terhadap Ahli Parlimen dan Ketua Kesatuan Sekerja, Phey Yew Kok berhubung dengan pecah amanah.

Selain itu, DYMM Tuanku juga merujuk kepada soal siasat rasuah yang dijalankan oleh The Corrupt Practices Investigation Bureau terhadap Menteri Pembangunan Negara Singapura, Teh Cheang Wang yang akhirnya membunuh diri pada 14.12.1986 dimana dalam perbahasan di Parlimen, Perdana Menteri Singapura menyatakan bahawa kerajaannya tidak berhasrat untuk melindungi sesiapa sahaja yang terlibat dengan rasuah. Kerajaan Singapura seterusnya telah menggubal The Corruptions (Confiscation of Benefits) Act 1989 yang membolehkan Mahkamah mengeluarkan perintah menyita harta yang terbukti diperolehi secara rasuah.

DYMM Tuanku bependangan bahawa kejayaan Singapura menempatkan dirinya di kalangan tangga teratas bersama Denmark dan New Zealand dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah Transparency International 2010 adalah hasil daripada kesungguhan dan ketegasan politik yang diambil oleh Singapura dalam membanteras rasuah.

DYMM Tuanku juga mengambil contoh berkaitan rasuah di Malaysia. Rujukan dibuat terhadap kes sivil yang melibatkan Menteri Kesihatan, Abdul Rahman Talib yang telah mengambil tindakan untuk mengundur diri daripada Kabinet setelah kalah dalam kes sivil terhadap S.P. Seenivasagam. Kekalahan Abdul Rahman Talib dalam kes sivil tersebut memberikan implikasi bahawa beliau terlibat dengan rasuah. Selain dari itu, DYMM Tuanku juga merujuk kepada tindakan positif Kerajaan Perikatan selepas pilihanraya umum pada 1969, apabila mengambil langkah-langkah pembetulan.

29

30

Antaranya adalah memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk membekukan asset orang yang disyaki melakukan rasuah. Sebanyak RM329,979.00 juga telah disita daripada Menteri Besar Perak, Dato Ahmad Said yang meletakan jawatan Menteri Besar pada Februari 1970.

Menurut DYMM Tuanku lagi, sepanjang tahun 1970 menyaksikan sebanyak 3,265 inkuiri, 319 siasatan penuh, 115 tangkapan individu, 67 tangkapan penjawat awam dan 87 tindakan disiplin telah diambil oleh BPR. DYMM Tuanku juga merujuk kepada kes yang melibatkan Dato Harun Idris yang telah disabitkan dengan kesalahan rasuah oleh Hakim Raja Azlan Shah di mana penghakiman oleh Hakim Raja Azlan Shah yang mengenali Dato Harun Idris ini menunjukkan bahawa kedaulatan undang-undang dan kepentingan umum adalah lebih utama dari kenalan.

Berdasarkan kepada kajian kes yang diberikan, DYMM Tuanku merumuskan bahawa integriti dapat diperkasakan jika pentadbiran Negara dilaksanakan berteraskan undang-undang dan dikuatkuasakan tanpa gentar, tanpa pilih kasih dan tanpa campur tangan politik.

Rujukan juga dibuat terhadap tindakan-tindakan positif yang diambil oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sejurus selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 3.10.2003. Penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 5.11.2003, penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia pada Februari 2004, dan pendakwaan ke atas Mantan Presiden Majlis Perbandaran Kangar, Tan Sri Eric Chia dan Tan Sri Kasitah Gadam juga dilihat sebagai penyumbang kepada kejayaan besar yang dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional semasa pilihanraya umum kesebelas.

31

Menurut DYMM Tuanku lagi, keputusan pilihanraya umum kedua belas menunjukkan bahawa rakyat tidak dapat diyakinkan dengan janji kerajaan untuk mengwujudkan sebuah Negara yang bersih, berintegriti dan sifar rasuah dan indeks pencapaian ini tidak memberi erti dan tidak dapat dirasakan oleh rakyat dalam kehidupan harian mereka. Menurut DYMM Tuanku lagi, sifat terlalu taksub kepada pencapaian kuantitatif ini boleh mengundang bahaya kerana ianya boleh membiakkan budaya hipokrasi dan kepura-puraan.

Selanjutnya, DYMM Tuanku bertitah agar anggota perkhidmatan awam ini diasuh untuk menjadi berani untuk berkata benar, sambil merujuk kepada 3 prinsip yang diambil oleh tokoh perniagaan dan pelaburan terkenal Amerika Syarikat iaitu “*integrity*”, “*intelligence*” dan “*energy*” apabila menyaring calon-calon untuk diambil bekerja. Menurut DYMM Tuanku lagi, prinsip yang serupa juga terkandung di dalam ayat 26, Surah Al Qasas yang bermaksud “Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu boleh pilih untuk bekerja (untuk mu) ialah orang yang kuat (yakni kebolehan) lagi dapat dipercayai (iaitu amanah)”.

Dalam perkara ini juga DYMM Tuanku menegaskan kepentingan kepimpinan dan teladan dalam memperkasakan integriti diri dengan memberikan beberapa contoh kempimpinan dan teladan yang baik seperti:

- Mahatma Gandhi yang hanya memberikan nasihat apabila beliau sendiri melakukannya;
- YTM, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Allahyarham) telah mengarahkan supaya apa juga perhubungan yang telah dijalankan dengan juru perunding untuk pembinaan Hospital Kuala Lumpur ditamatkan kerana telah menimbulkan keraguan yang boleh menjelaskan integritinya; dan
- Tun Abdul Razak (Allahyarham) yang telah menolak saranan agar kontrak

pembinaan kolam renang di kediaman Perdana Menteri diberikan kepada kenalan peribadinya; dan

- Tun Hussein Onn (Allahyarham) yang telah menolak tawaran Perdana Menteri untuk membeli tiket barunya untuk pulang ke Malaysia sewaktu beliau bercuti di luar negara walaupun tujuan sebenar beliau dipanggil pulang adalah untuk dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

DYMM Tuanku juga berpandangan bahawa pada masa kini dunia bagaikan paradoks apabila sifat tamak, haloba, bongkak, angkuh semakin menonjol dan menguasai diri manusia dan sifat sederhana seperti sifat rendah diri, jujur dan ikhlas semakin dipinggirkan yang mengakibatkan berlakunya jurang di antara imej luaran dan nilai sebenar dalaman seseorang itu.

Menurut DYMM Tuanku lagi, pada masa ini godaan yang menghakis integriti hadir dalam pelbagai bentuk termasuk pangkat, gelaran, wang ringgit, wanita cantik, barang berharga, pelancongan dan termasuk pakej-pakej yang bertopengkan ibadah seperti umrah, haji serta majlis-majlis keraian berbuka puasa

Di pengakhiran titahnya DYMM Tuanku menyeru agar semua hadirin kembali kepada asal kejadian insan yang hanya merupakan seorang hamba di sisi tuhannya dan menyeru agar setiap tugas itu dilaksanakan sebagai amanah dan ibadah.



MANTAN KETUA SETIAUSAHA  
NEGARA

**TAN SRI MOHD SIDEK  
HAJI HASSAN**

Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan adalah graduan dari Universiti Malaya dengan memperolehi B.Econ. (Hons) (Pentadbiran Awam) dalam tahun 1974. Seterusnya beliau memperolehi ijazah M.B.A, New Hampshire University, Amerika Syarikat pada tahun 1984.

Beliau memulakan kerjayanya pada 15 April 1974 dengan menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah di Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Timbalan Pengarah, Sektor Analisa Projek dan Timbalan Pengarah (Penyelidikan) di Jabatan Perdana Menteri.

**Bismillahir RahmaniR Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera,**  
**Dan Salam 1Malaysia,**

*INTEGRITY UNDER SCRUTINY, CONSEQUENCES ARE SERIOUS*

Sepuluh hari yang lepas, iaitu pada hari Jumaat, 10 haribulan Mei, Financial Times menyiarkan berita tentang tuduhan bahawa Jabatan Keadilan Amerika Syarikat telah mendapatkan nombor telefon pejabat, rumah dan telefon mudah-alih wartawan Associated Press tanpa izin untuk tujuan penyiasatan mengenai kebocoran maklumat melibatkan satu operasi sulit CIA. Kita sedia maklum Amerika Syarikat mempunyai antara undang-undang yang paling tegas dalam hal-hal berkaitan hak wartawan dan kebebasan media. Seperti yang dijangkakan, berita ini telah tersebar dengan luas dalam sekelip mata sahaja melalui internet.

Pada hari yang sama, tersebar pula berita bahawa Internal Revenue Services, atau IRS, yang bertanggungjawab untuk kutipan cukai, telah mensasarkan organisasi-organisasi tertentu berdasarkan fahaman politik mereka untuk melakukan audit cukai. Perkhidmatan awam yang sepatutnya neutral dalam aspek politik telah dicemari dengan persepsi berat-sebelah.

Kedua-dua berita ini telah menjadi topik hangat di media dan Presiden Obama terpaksa mengeluarkan kenyataan akhbar untuk menyangkal tuduhan bahawa tindakan itu dilakukan dengan pengetahuan kerajaan atau White House dan sesiapa yang bertanggungjawab akan dibawa ke muka pengadilan kerana

tuduhan-tuduhan tersebut adalah amat berat. Ianya mempersoalkan kredibiliti dan integriti perkhidmatan awam Amerika Syarikat. Lima hari kemudian, Pesuruhjaya IRS telah mengambil tanggungjawab penuh untuk kejadian itu dan meletak jawatan.

Episod ini mempunyai dua pengajaran yang harus diambil iktibar. Pertama, sebarang salah-laku akan tersebar dengan luas dalam sekelip mata sahaja melalui internet. Oleh yang demikian, tindakan susulan oleh pihak berkuasa juga harus diambil dengan cepat. Kenyataan akhbar Presiden Obama tiga hari selepas kejadian dianggap terlalu lambat. Dan kedua, setiap tindakan seseorang anggota perkhidmatan awam dianggap sebagai tindakan kolektif bukan sahaja jabatan tersebut, malah seluruh jentera kerajaan. Walaupun episod ini hanya melibatkan dua jabatan, tempiasnya terkena kepada keseluruhan Perkhidmatan Awam. Yang dipersoalkan kini adalah kredibiliti dan integriti semua jabatan kerajaan dan Presiden Obama.

Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan dan moderator forum pada pagi ini,

Yang Berbahagia Datuk Heliliah Mohd Yusof, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan,

Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad,

Yang Berbahagia Datuk Dr Khaw Lake Tee,

Ketua-Ketua Jabatan Agensi Penguatuasaan,

36

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadarat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia dan keizinanNya juga, kita berpeluang menghadiri konvensyen yang sangat bermakna ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Heliliah kerana mengundang saya untuk memberi pandangan mengenai suatu topik yang pada pendapat saya, adalah nilai yang terpenting untuk Perkhidmatan Awam. Malah, untuk sebarang perkhidmatan, termasuk sektor Korporat, NGO dan Media.

Kita di Malaysia nampaknya begitu asyik dengan topik integriti. Kita ada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, atau SIAP, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM dan Institut Integriti Malaysia, IIM. PDRM dan SUHAKAM juga turut terlibat dalam isu-isu melibatkan integriti. Adakah ini kerana kita begitu bersemangat untuk memupuk nilai integriti dalam kehidupan kita sampai memerlukan begitu banyak agensi? Ataupun kerana kita menghadapi krisis integriti? Sebagai sebuah negara yang mana agama rasminya adalah Islam dan dengan kebudayaan timur yang meniti beratkan nilai-nilai tradisional yang murni, kita sepatutnya tidak mempunyai masalah dengan isu integriti.

Pada masa yang sama, kita mempunyai satu teladan yang cukup bagus yang datang dari sebuah negara barat. Barat yang sering dituduh sebagai terlalu liberal dan bankrap dari segi nilai-nilai moralnya. Pada tahun 1987, Gary Hart yang sedang sibuk berkempen sebagai salah seorang calon

Presiden dari parti Demokrat berhadapan dengan tuduhan terlibat dalam hubungan sulit dengan seorang model. Gambar beliau dengan model ini di atas kapal layar '*Monkey Business*' mula tersiar di akhbar-akhbar tempatan. Disebabkan tuduhan itu, Gary Hart menarik balik pencalonannya. Bukan sebab kelakuannya melanggar undang-undang atau kerana dipaksa oleh parti Demokrat. Tindakannya didorong oleh kesedaran diri. Dan itu adalah tindakan yang memang diharapkan oleh orang ramai dari pemimpin mereka. Ini adalah integriti yang dikuatkuaskan oleh kesedaran diri dan harapan masyarakat, bukannya undang-undang.

Sudah hampir tiga tahun kita menuju Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, atau ringkasannya SIAP. Fungsinya untuk memantau integriti di kalangan agensi penguatkuasaan. Bagaimana pula dengan integriti di dalam perkhidmatan awam secara amnya? Atau lebih tepat sekali, bagaimana pula dengan integriti di kalangan masyarakat kita? Memang kita mempunyai SPRM dan sebagainya dengan bidang kuasa masing-masing. Tetapi dalam membincangkan isu integriti, pada pandangan saya, kita tidak boleh membahagi-bahagikan mengikut bidang kuasa sesuatu agensi. Perbincangannya perlu holistik.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Pada tahun 2012, SIAP menerima 329 kes. Adakah ini mencerminkan tahap integriti di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan? Kalau dilihatkan laporan media dan perbualan di dalam media sosial, mungkin banyak lagi kes yang tidak dilaporkan. Kalau ya, apakah yang menghalang orang awam daripada membuat laporan? Mungkin salah satu aspek adalah kesangsian orang awam

37

38

terhadap tindakan susulan oleh SIAP. Adakah tindakan yang diambil adil? Tegas? Mengambil tindakan yang adil dan tegas sahaja tidak mencukupi, kita perlu dilihat mengambil tindakan tersebut. “*Seen to act is equally important, if not more so, than acting itself*”. Ini sepatutnya menjadi sebahagian daripada fungsi SIAP dalam memberi kesedaran kepada orang ramai. Gunakan surat khabar, halaman facebook dan rangkaian youtube untuk menyiaran statistik prestasi SIAP. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap fungsi SIAP, malah, lebih penting lagi, ia juga akan meningkatkan kredibiliti SIAP. Apabila orang ramai lebih menyedari fungsi SIAP dan lebih prihatin terhadap isu integriti, maka salah-laku integriti juga akan berkurangan kerana penjawat awam akan merasakan dirinya sentiasa diawasi oleh orang ramai.

Mesejnya adalah penguatkuasaan integriti adalah lebih mudah sekiranya orang ramai turut terlibat dalam pemantauan dan mempunyai kesedaran dan harapan yang tinggi. Kesedaran tentang pentingnya integriti dalam menjamin kesejahteraan jangka panjang negara kita. Harapan bahawa setiap penjawat awam akan mendahulukan Negara, bukan kepentingan diri. Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, kita tidak memerlukan suatu masterplan yang canggih. Yang penting adalah tindakan. Undang-undang memang penting, yang lebih penting adalah penguatkuasaan undang-undang tersebut. Apa yang membezakan satu masyarakat yang mematuhi undang-undang dengan yang lain adalah budaya penguatkuasaan. “*A culture of enforcement*”. Setiap negara di dunia ini boleh mengguna-pakai undang-undang yang paling canggih dan tegas. Tetapi keberkesanannya bergantung kepada disiplin dan penguatkuasaan. Itu sepatutnya menjadi objektif kita untuk melahirkan satu masyarakat, termasuk perkhidmatan awam, yang tidak akan berkompromi dalam isu integriti.

39

Saya ingin memberikan satu contoh penguatkuasaan. Pada tahun 2006, bayaran invois oleh jabatan-jabatan kerajaan mengambil masa 40 hingga 50 hari. Tetapi peraturan mengatakan bayaran harus dibuat dalam tempoh 30 hari. Malangnya, peraturan itu tidak dikuatkuasakan. Apabila peraturan itu diubah dari 30 hari ke 14 hari, tiba-tiba 70% daripada bayaran dibuat dalam 3 hari sahaja! Dari 50 hari ke 3 hari! Kita tidak meningkatkan tenaga kerja atau melonggarkan prosedur pembayaran. Apa yang bertukar adalah penguatkuasaan. Saya memantau bayaran oleh semua jabatan kerajaan setiap hari. Dan statistik pembayaran ini disiarkan di laman web KSN, PM dan TPM. Orang ramai boleh melihat sendiri prestasi pembayaran kerajaan. Dan sekiranya berlaku sebarang penyelewengan dalam proses mengumpul data tersebut, ia akan dilaporkan oleh orang awam. Sebagai contoh, sekiranya ada seorang kontraktor yang menerima bayaran selepas 50 hari tetapi statistik jabatan tersebut mengatakan semua bayaran dibuat dalam 3 hari, maka kontraktor tersebut boleh melaporkan terus kepada saya melalui email. Dengan adanya ketelusan dalam proses mengumpul dan menyiaran statistik, dan saluran untuk semua pihak untuk melapor sebarang penyelewengan, maka masalah dalam pembayaran tidak wujud lagi. Mungkin ada satu peratusan kecil yang masih bermasalah, tetapi majoritinya menepati bayaran dalam 14 hari. Dalam erti kata lain, penguatkuasaan ‘integriti’ dalam bayaran oleh kerajaan telah dijadikan tanggungjawab kolektif.

Saya juga ingin menekankan pentingnya konsistensi dalam penguatkuasaan untuk mencapai kredibiliti yang tinggi. Sebagai contoh, apabila saya mendapat tahu bahawa Mahkamah Persekutuan telah terlambat bayar satu invois berjumlah RM39, saya menghubungi Tun Fairuz untuk memberitahu beliau bahawa jabatannya tidak menepati sasaran 14 hari. Seperti yang saya katakan tadi, integriti adalah satu perkara yang mutlak. Kita tidak boleh membeza-bezakan antara jumlah yang kecil dan besar. Antara pegawai bawahan dan Ketua Jabatan.

40

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Kita sedia maklum objektif dan fungsi SIAP. Saya juga pasti kebanyakan agensi penguatkuasaan turut mempunyai fungsi dan petugas yang bertanggungjawab untuk memupuk dan memantau integriti dalam agensi masing-masing. Persoalannya, sampai bila kita memerlukan SIAP? Adakah SIAP akan menjadi satu ciri tetap Perkhidmatan Awam? Apakah kita perlu menunggu untuk Datuk Heliliah memberitahu kita apa yang perlu dilakukan untuk memupuk integriti di dalam fungsi jabatan kita? Sepatutnya, ‘SIAP’ mesti ada di dalam diri kita sepanjang masa. Bila kita memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam, kita telah berjanji untuk menegakkan integriti dalam perkhidmatan kita. “*Just do it*”.

Kita tidak boleh mengasingkan subjek integriti daripada pemikiran, perlakuan, percakapan dan budaya kerja kita. “*It is integral to our being*”. Semasa saya mempergerusikan Institut Integrasi Malaysia, ada pihak yang mencadangkan untuk memperkenalkan integriti sebagai satu subjek baru di sekolah. Saya tidak bersetuju. Beg sekolah anak-anak kita dah cukup berat. Kita nak tambah lagi satu buku teks dan buku kerja? *On a serious note*, kita tidak boleh mewujudkan satu tanggapan di kalangan anak-anak kita bahawa integriti adalah satu topik yang terasing dari subjek-subjek lain. Guru-guru juga tidak boleh mengecualikan diri mereka dari membincangkan isu integriti kerana sudah ada guru khas untuk mengajar integriti. “*We cannot do that. We should not compartmentalise integrity*”. Kita harus memastikan bahawa integriti adalah tanggungjawab setiap guru dan setiap ibubapa. Sama juga dalam Perkhidmatan Awam. Kita perlu memastikan bahawa setiap Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan untuk menerapkan dan memantau integriti dalam jabatan masing-masing. Prinsip yang sama juga digunakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Universiti tidak perlu memperkenalkan

subjek Kewangan Korporat Islam. Setiap pensyarah harus memastikan nilai-nilai Islam diterapkan di dalam subjek Kewangan Korporat.

Pokoknya, integriti adalah tanggungjawab setiap individu. Pertama sekali, kita harus menjauhkan diri daripada salah-laku integriti. Kedua, sekiranya kita melihat rakan sekerja mencuba sesuatu yang melanggar peraturan, kita harus memberi nasihat untuk menjauhinya. Dan ketiga, jika kita mengetahui tentang sesuatu salah-laku, kita juga bertanggungjawab untuk melaporkannya kepada Ketua Jabatan. Dan akhir sekali, barulah kita panggil Datuk Heliliah untuk membantu. Sekiranya setiap warga kerja Perkhidmatan Awam memainkan tiga peranan ini; menjauhi diri, memberi pesanan, dan melapor, InsyaAllah, integriti akan menjadi teras budaya kerja kita.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Mesej saya adalah, integriti merupakan tanggungjawab kolektif semua pihak, termasuk SIAP dan agensi-agensi penguatkuasaan. SIAP memerlukan sokongan semua pihak untuk mencapai objektifnya. Dan apabila tahap integriti perkhidmatan awam sudah mencapai satu kedudukan yang tinggi, di mana integriti sudah menjadi teras budaya kerja kita, keperluan untuk suruhanjaya ini mungkin sudah tiada! “*We should see the commission not as a permanent feature, but a short-term tool that should eventually become irrelevant*”

Adalah menjadi harapan kita apabila Malaysia mencapai Wawasan 2020, bukan hanya ekonomi kita sahaja yang bertaraf dunia maju, malah integriti perkhidmatan kita juga setaraf dengan yang terbaik.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

41

**NAIB PENGERUSI SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA****DATUK DR. KHAW LAKE TEE**

Datuk Dr. Khaw Lake Tee merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Malaya pada tahun 1978. Beliau melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana Undang-Undang (LLM) di Universiti Monash, Australia pada tahun 1982 dan memperolehi PhD dari London School of Economics, University of London pada tahun 1990.

Perjalanan kerjaya beliau dalam bidang akademik bermula sebagai pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya pada tahun 1982. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Dekan Fakulti Undang-Undang dari tahun 2004 hingga 2007 sebelum dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor Pembangunan, Universiti Malaya dari tahun 2007 hingga 2010. Beliau merupakan Profesor di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya sehingga beliau bersara pada Januari 2012.

Pada bulan Julai 2010 Datuk Dr. Khaw Lake Tee telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan mengetuai Kumpulan *Research Policy Development* yang berperanan menyelidik dan memantau pelbagai isu melibatkan hak asasi manusia. Semasa berkhidmat di SUHAKAM beliau juga mempengerusikan inkirui berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku semasa perhimpunan awam pada 9 Julai 2011 dan 28 April 2012.

Selain dari itu Datuk Dr. Khaw Lake Tee juga amat dikenali dengan hasil kajian dan kepakarannya dalam bidang undang-undang harta intelek, undang-undang tanah dan teknologi maklumat. Antara penerbitan utama beliau ialah *Copyright Law in Malaysia* (3rd Ed, 2008) dan *Land Law in Malaysia-Cases and Commentary* (3rd Ed, 2012).

**Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan*****SUHAKAM and SIAP******Same yet Different?******Focus***

*To discuss the similarities and differences between SUHAKAM and SIAP from three perspectives:*

- Functions
- Bodies or Agencies covered
- Powers of Investigation

***Preliminary Remarks***

- Both are statutory bodies – created by Acts of Parliament.
- Entrusted with specific functions – including powers of investigation and awareness creating activities
- Funded by the State
- Annual Reporting to Parliament
- Commissioners
- Executive and administrative staff

44

**About SUHAKAM**

- Established under the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 (Act 597)
- Published in the Gazette: 9.9.1999
- Came into effect: 20.4.2000
- Function of SUHAKAM
  - Generally
  - To protect and promote human rights in the country

**Function of SUHAKAM : more specifically**

- To promote awareness of and provide education in relation to human rights;
- To advise and assist the Government in formulating legislation and administrative directives procedures and recommend necessary measures to be taken;
- To recommend to the Government with regard to subscription or accession to human rights treaties or instruments; and
- To inquire into complaints of infringements of human rights

**What are human rights under Act 597?**

Term as used in the Act refers to :

- the fundamental liberties as provided under Part II of the Federal Constitution;
- The Universal Declaration of Human Rights but only to the extent that it is not inconsistent with the Federal Constitution.

**Powers of SUHAKAM include**

- Advising the Government and/or relevant authorities of complaints against such authorities and recommend appropriate measures to be taken;
- Studying and verifying any infringement of human rights;

45

- Visiting places of detention;
- Issuing public statements on human rights as and when necessary.

**Powers of Inquiry**

May inquire into allegations of infringement of human rights on

- Its own motion; or
- Complaints by aggrieved person or group of persons.

**About SIAP**

- Established under the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009
- Published in Gazette: 3.9.2009
- Came into force: 1.4.2011
- Function of SIAP
  - Generally
  - To investigate into misconduct of enforcement officers or agencies

**Functions of SIAP**

Among others:

- To receive complaints of misconduct against enforcement officer or agency, and to investigate into such complaints;
- To formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;
- To promote awareness of, enhancement of, and education in relation to integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct ‘Integrity’ under Act 700 not defined

**46**

- However, what constitutes ‘misconduct’ is provided under section 24.
  - Act or inaction by an enforcement agency that is contrary to law
  - Act or inaction which is unreasonable, unjust, oppressive, or improperly discriminatory, etc.

#### **Powers of Investigation**

- Power to investigate into complaints of misconduct
  - Received from members of the public
  - Referred to it by any person
- Procedures – outlined in Act 700

#### **In terms of subject matter :**

- **SUHAKAM**
  - Human rights
  - Allegations of human rights
  - infringement
- **SIAP**
  - Integrity
  - Misconduct on the part of enforcement officer or agency

#### **In terms of the bodies or agencies :**

- **Acts of infringement of human rights committed by**
  - By government or authorities

**47**

- Although not necessarily restricted to acts of the State
- May include acts of private parties
- **Misconduct on the part of enforcement officer or agency**
  - Agencies as prescribed in the Schedule only

---

#### **To illustrate**

- Complaints received by SUHAKAM eg
- Prolonged Detention
  - Prisoners/detainees involved in court cases & certain immigration offences detained until the completion of the case
  - Unlimited detention period in cases concerning detainees held under preventive detention laws.

#### **Types of Complaint**

- **Death in custody**
  - Natural Causes
  - Negligence of authorities
  - Suicide
  - Attempted escape
- **Abuse of Powers**
  - Favouritism
  - Cover up

48

- Allegations of physical violence**

- Two incidents of rioting: Lenggeng Immigration Detention Centre in April 2009 & Johor Bahru Prison in July 2009.
- Extraction of information

- Conditions of detention centres**

- Allegations against**

- |                     |                                    |
|---------------------|------------------------------------|
| • Police            | • Immigration Department           |
| • Prison Department | • National Registration Department |

**The same enforcement agencies covered by Act 700**

---

**Examples Of Complaints**

**Issue : Death in Police Custody**

- The deceased was found dead in a police lock-up at Balai Polis Wangsa Maju on 12/9/06. The deceased was a drug addict.
- The deceased family alleged that the police neglected to provide proper medical treatment to the deceased resulting in her death

**Art. 3 of UDHR: Right to Life.**

- Visited the lock-up.
- The deceased died out of ruptured intestines. The Police said that the matter had been referred to the magistrate and recommended for an inquest to be conducted.

49

**Issue: Use of Excessive Force**

- Complainant represented K. Sathi. Her son was detained by the police on the allegation of theft. She claimed that her son was beaten and forced by the police to admit to the crime. She hoped that SUHAKAM would be able to intervene and stop the police from beating her son.

**Art. 5 of UDHR: Right not to be subjected to Torture**

- The complaint was brought to the attention of Police which denied the allegation.
- No medical evidence was produced to back the allegation

**Overlap**

- SIAP – misconduct – may also amount to violation of human rights, such as abuse of powers, failure to act on police reports, etc.
- Overlap between the two Commissions in terms of the subject matter and the agencies

**However**

- But complaints to SUHAKAM may be not necessarily be linked to misconduct; For instance: SUHAKAM visited an inmate whose health was affected by the caning he received as part of his punishment – and not the result of any misconduct or violation of human rights.
- SUHAKAM's jurisdiction goes beyond misconduct of enforcement officers or agencies or issues related to enforcement.

Scope of human rights – much wider.

50

***Powers of Investigation or Inquiry*****• SUHAKAM**

- Power to inquire
  - Hearings
  - Investigation
  - Visits to places of detention
- Power to summon witnesses and documents
- Power to receive evidence outside the Evidence Act 1950

**• SIAP***Power to investigate*

- Hearings
- Investigate
- Visits to places of detention

*Power to summon witnesses and documents**Power to receive evidence outside the Evidence Act 1950***But : Inquiry vs Investigation? Same difference?****• SIAP**

- Failure of witnesses to attend or to produce document
  - Warrant of arrest or fine
- Right of appearance of interested person
  - Legal representation
- Access to resources for investigation purposes
- Power to search and seize with or without warrant

51

**• Various offences**

- Threats against witnesses
- Contempt against Commissioner
- Provisions for follow up actions – disciplinary action or criminal prosecution

**• SUHAKAM**

- Limited powers of inquiry; no power to follow up – only advisory
- Act 700 deals with overlapping subject matter with other agencies
  - To refer the matter to disciplinary authority, OR MACC, OR investigate on its own (Task Force)
  - Disciplinary authority of enforcement agency
  - Disciplinary authority to stop
- But no provision if overlaps with SUHAKAM

*SUHAKAM and SIAP to proceed with own inquiry or investigation in cases of overlap**Scope and outcome of inquiry or investigation may be different**OR**SUHAKAM and SIAP to work together to deal with the overlap for a more efficient and effective outcome?*



## MANTAN KETUA HAKIM NEGARA

**TUN DATO' SERI  
ABDUL HAMID HAJI MOHAMAD**

Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad dilahirkan pada 18 April 1942 di Permatang Tinggi Bakar Bata, Kepala Batas, Province Wellesley, Pulau Pinang. Beliau menerima pendidikan awal di Malay School Paya Keladi, Kepala Batas dan adalah graduan undang-undang dari University of Singapore.

Beliau memulakan 20 tahun kerjayanya dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebagai Majistret dan menjadi Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Seterusnya beliau dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 1 November 2007. Sepanjang perjalanan kariernya beliau juga pernah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Khas dan Hakim Mahkamah Rayuan Shar'iah bagi negeri Pulau Pinang.

Di antara darjah kebesaran yang dianugerahkan kepada beliau adalah pingat Seri Setia Mahkota (S.S.M) kurniaan Yang Di Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tun' serta Darjah Seri Paduka Cura Si Manja Kini (S.P.C.M)(Perak) yang membawa gelaran 'Dato' Seri'.

Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad juga telah dianugerahkan Honorary Doctorate in Management oleh Universiti Tenaga Nasional Malaysia (UNITEN) dan Honorary degree of Doctor of Philosophy in Shari'ah and Judiciary oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga merupakan seorang Adjunct Professor di UNITEN, UKM dan UUM.

Selain dari itu, beliau juga adalah Pengerusi bagi Law Harmonizing Committee Bank Negara Malaysia, ahli Shari'ah Advisory Council Bank Negara serta Suruhanjaya Sekuriti dan ahli Shari'ah and Civil Law Harmonizing Committee, Brunei Darussalam.

*When I was approached to speak at this seminar, I told Cik Nor Afizah Hanum that I did not know anything about the Commission and, therefore, I was not in a position to comment on it. She provided me with reading materials, including the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009. We also had a meeting where she briefed me about the Commission and answered my questions on it.*

*What I am going to say today is based on the facts that I have gathered from her. I realise that it may not be sufficient to form a definite opinion about the Commission. However, in forming your own opinions, may want to consider the points that I have raised.*

*Before going any further, let me state a few general principles that I believe would be of relevance in our discussion. Of course, these are general principles and subject to qualifications and adjustments in their application.*

*First, I believe in professionalism. Just as a brain surgery should be done by a neurology surgeon, investigations, prosecution, including decision to investigate or to prosecute or not, should be done by professionals qualified, trained and experienced in the matter.*

*Secondly, duplication of duties and powers of government agencies adversely affect the performances of the agencies and, as far as possible, should be avoided.*

*Thirdly, if an agency suffers from lack of integrity, we should improve the agency whether by improving the system and/or the people, even by replacing the top management. Creating another agency will create other problems while not solving the problems of the earlier mentioned agency.*

Fourthly, complaints against a government agency should not be taken at face value as the proof that the agency is seriously suffering from an integrity problem. We should first find out who the complainants are and what their motives are. As an example, take the case of Teoh Beng Hock and compare it with a very similar case involving a Senior Customs Officer by the name of Ahmad Sarbani Bin Mohamed. For detailed discussion, see my lecture titled "Integrity: you know it but do you have it?" (3rd. February 2012) ([www.tunabdulhamid.my](http://www.tunabdulhamid.my))

Fifthly, it is wrong to establish a new agency "for political reasons" or in an attempt to silence criticism on existing agencies by opposition politicians. Neither should it be established just because some other countries have it.

Sixthly, while integrity has to be ingrained in an individual from birth to death, at organisational level, the examples has to come from the top. There must be political will, not mere rhetoric, campaigns, talks, seminars but actual practice.

Now let me state some facts about the Commission to form the basis of my discussion.

Section 4 of the Act lists down eight functions of the Commission. I'll mention only one, and that is:

"(a) to receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;"

There are 19 agencies under the purview of the Commission. The Royal Malaysian Police (RMP) is under the Commission's Jurisdiction but Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is not.

I am unable to get the total number of personnel of the 19 agencies. However, the number in four of them (i.e. RMP, Malaysian Road Transport Department (JPJ), Royal Malaysia Customs Department and Department of Immigration Malaysia. Total:  $[122,000 + 8,581 + 12,365 + 11,923 = 154,869]$

The Commission has a total of 29 posts. Out of 29 posts:

- 1 post is JUSA C (Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif) – on secondment from AGC;
- 15 posts are of Management & Professional level, out of which, 10 posts require expertise and experience in investigation and law. Out of the 10 last-mentioned posts:
- 4 posts are filled up by officers seconded from AGC (1-L54, 1-L52, 1-L48 and 1-L44/41)
- 6 posts were filled up by officers seconded from MACC (1-P52, 4-P44 and 1-P41), however, since 16th May 2013 (4 days ago) there is only ONE left as the others had been pulled back by MACC. The Commission is in the process of recruiting new officers.

The commission has a budget of RM7 million a year for 2011 and 2012.

Since its establishment in September 2011 until the end of 2012, the Commission received a total of 347 complaints. After preliminary investigations were carried out:

- 110 (31.7%) were rejected
- 9 (2.5%) were referred to MACC
- 15 (4.3%) were referred to appropriate disciplinary authorities
- 4 (1.1%) were referred to appropriate disciplinary authority and MACC
- 60 (17.2%) were directed for full investigation.
- 149 (42.9%) required further preliminary investigation.

We see that the Commission has directed 60 complaints to be referred for full investigations, which, under the Act, should be done by the Task Force. However the Commission has not established any Task Force yet. Full investigations were done by the investigators. So far, only 3 cases have been fully investigated. From the 3 completed full investigations:

- 1 was referred to the Disciplinary Authority of the RMP.
- 2 cases were closed on reason of double jeopardy as the complaint was heard and punishment was imposed on the enforcement officers by the appropriate enforcement agency (1 RELA & 1 JPJ)

So, after slightly over a year of its establishment and in spite of the fact that the complaints, so far, were only disciplinary in nature and that the public is generally still not aware of the existence of Commission, there is already a backlog of 57 cases = 95% ( $57/60 \times 100$ ). At this rate, it will take another 19 years just to clear the backlog.

The Commission did decide for a Task force to be formed to investigate a complaint that arose from the Bersih rally. However, no action has been carried out because contact made with SUHAKAM revealed that SUHAKAM was conducting inquiries on similar complaints. The next course of action will

depend on the report to be issued by SUHAKAM. (Is this another example of duplication?)

*Under section 27(3) of the Act, when the Commission refers a complaint to the appropriate disciplinary committee or the MACC, the committee or the MACC shall conduct its own investigation and communicate its findings to the Commission within thirty days from the date of receipt of the complaints from the Commission. In reality, of the total 32 complaints that were referred for investigation to the appropriate Disciplinary Committee or the MACC, not even one finding of the investigation was communicated to the Commission within the stipulated period of 30 days. Indeed only 12 (37.5%) were completed within six months and I must note that ALL are from the RMP (Does it mean that the Disciplinary Committee of RMP is more efficient?). 20 (62.5%) are still “pending findings” by the agencies. It shows that the time frame given is not realistic.*

*What is the outcome so far? Of the 12 cases completed by the RMP it was found that in 9 of them the misconduct complained of was not substantiated. Only in one case (8.3%) that the disciplinary action was taken against the officer and in two cases (18.6%) warnings were given to the officers complained against.*

*The bottom line is, since its establishment in September 2011 until the end of 2012, only one disciplinary action and two warnings had been handed down. For a budget of RM14 million for the two years, they are very costly indeed.*

**58**

*What is wrong? Due to lack of time, I shall focus on the function of the Commission regarding complaints of criminal nature committed by the members of the 19 agencies. Please note that, so far, there has NOT been a single complaint of criminal nature.*

*First, when you establish a new agency, you recruit new officers. They lack experience and the expertise. To overcome that problem, you either recruit officers from other agencies or you borrow them. How senior are they? It depends on the grades of the post you have. Do you think those agencies will give their best officers? Do you think that officers who think that they have the potential to go very high up in their service would want to apply to be a permanent officer of the Commission where the chances of promotion is very limited. He would not even want to be seconded. It is better to remain in his original service where he will be seen and recognised. A seconded officer usually serves for a period of three years unless extended. In the first year, he tries to familiarise himself with the new job. In the second year he tries to do something substantive. In the third year he is thinking of going back unless he thinks it is better for him to stay on. When a new officer takes over from him the new cycle begins. In fact, he will have to read all the files from the beginning again before deciding from where to continue.*

*Secondly, the misconduct covered by the Act includes all criminal offences under the law alleged to be committed by the members of the 19 agencies, four of which alone totalled more than 150,000 personnel. Further, we should bear in mind that:*

- *The Commission has 6 posts of Investigation Officers but only ONE officer since 16th of May 2013.*

**59**

- *The Investigation Officers, even if there are, are all based in Putrajaya but the complaints and the witnesses could be from all over the country.*
- *Reading section 26(2) and 27(2) together, if the complaint discloses an offence under the Part IV of MACC Act 2009 (i.e. corruption cases), the Commission may refer to MACC. Upon receiving the report from MACC the Commission may decide to take over the investigation and upon notification to the MACC, the MACC must cease further investigation.*
- *The Commission has no power to refer complaints of the commission of criminal offences under laws other than the MACC Act 2009 e.g. Penal Code to RMP which means that all such complaints will have to be investigated by the Commission.*
- *Except for the Chairman who was a Solicitor General, none of the Commissioners has experience in scrutinizing Investigation Papers and making decision thereon.*

*The following questions arise:*

- *With 6 investigation officers (now ONE), do you think the Commission could handle complaints of disciplinary and criminal nature that could be made against about 160,000 personnel?*
- *If, instead of lodging Police Reports, the public decides to lodge complaints to the Commission, could the six Investigation Officers and the Commissioners handle them? The Commission has been lucky so*

*far because the public, due to ignorance or otherwise, choose to lodge Police Reports instead of complaining to the Commission.*

- *Do the Investigation Officers have the expertise, experience, facilities and equipments to carry out investigation of offences under all laws? For example, a complaint is made that:*
  - some Police Officers had raped a suspect in the lock up; or
  - some Rela members had robbed a group of illegal immigrants; or
  - some Police personnel involved in Operasi Daulat in Lahat Datu had shot and killed innocent civilians; or
  - opposition leaders have held illegal assemblies attended by thousands of people causing disturbance to peace and harmony and the Police have not taken any action against them,

*Do you think that the Commission's Investigation officers (even if all 6 posts are filled), could carry out the investigation satisfactorily?*

- *While the Investigation Officers are all based in Putrajaya, offences could be committed anywhere in Malaysia and witnesses, even if they are in Malaysia, may not be easily traced for the purpose of recording their statements. Even if they could be traced, to arrange a meeting with them for the purpose, not once but may be repeatedly, would be difficult, time consuming and expensive.*
- *Where the Commission refers a complaint to the MACC and the MACC submits its report to the Commission, the Commission may decide to carry out full investigation by itself and, upon notification, the MACC shall cease*

*its investigation. Do you think that the investigators in the Commission are more capable and are better equipped than their counterparts in the MACC to investigate corruption-related cases?*

- *Whether a complaint of criminal nature is referred to the MACC for investigation or is investigated by the Commission, finally, if an offence is disclosed, the Investigation Papers would have to be forwarded as usual, to the Public Prosecutor (the Attorney General) as he is the sole Public Prosecutor in Malaysia. To determine whether a prosecution should or should not be instituted, he might direct further investigation on certain aspects of the evidence. I think that he and his Deputies are in a better position to assess the case than the Commissioners. What is the need for the intervention of the Commission, which at the very least will delay the process?*
- *Based on the facts and the arguments that I have put forward, I would like to pose the following questions:*
  - *Whether the scope of the Commission's functions should include complaints of criminal offences alleged to be committed by the members of the agencies?*
  - *Is it not better to leave it to the agencies entrusted with the responsibility to handle criminal investigations and if improvement is needed, those agencies should be improved?*
  - *Whether the Commission should continue to function in respect of complaints of disciplinary nature?*

- Is it not better for the relevant agencies' Disciplinary Committees to handle them?
- Can we not rely on the Police Force Commission established under Article 140 of the Constitution, the Public Service Division (JPA), the Chief Secretary to the Government (KSN), and others, over disciplinary matters?
- Have we forgotten that judicial review is very much alive in Malaysia?

*I shall leave it to you to decide. Today you are the Judges.*

*Thank you.*

tunabdulhamid@gmail.com

<http://www.tunabdulhamid.my>

#### LAMPIRAN 4 : TITAH DIRAJA



### TITAH DIRAJA

DULI YANG MAHA MULIA  
PEMANGKU RAJA PERAK  
DARUL RIDZUAN

**RAJA DR.NAZRIN SHAH  
IBNI SULTAN AZLAN  
MUHIBBUDDIN SHAH**

## **“KE ARAH MEMPERKASAKAN INTEGRITI”**

**Bismillahir Rahmani Rahim**  
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera**

Maha Suci ALLAH yang menciptakan manusia, diperlengkap dengan akal, dibekalkan panduan - diwahyukan peringatan, supaya menyempurnakan amanah serta memenuhi tanggung jawab secara berintegriti. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda, begitu juga kepada para ulama dan para tabiin; semoga memperoleh ihsan sehingga ke hari bangkitan.

Perkataan integriti berasal dari perkataan Latin, interger bermaksud sesuatu yang sempurna, memiliki kesyumulan, jati diri yang didukung oleh sifat-sifat kejujuran, keikhlasan, ketulusan, ketelusan dan keutuhan. Integriti adalah subjek menyentuh akhlak. Tiga komponen asas yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah Tauhid, Syariat dan Akhlak.

Aspek integriti berulang kali diperingatkan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran; turut terkandung dalam Sunah-sunah Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam. Ayat 27, Surah al-Anfal bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) ALLAH dan Rasul Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada mu, sedang kamu mengetahui”

Integriti ditegaskan oleh semua agama, semua fahaman, semua budaya dan semua tamadun. Di dalam INJIL terkandung peringatan:

*“So you will walk in the way of the good and keep to the paths of the righteous. For the upright will inhabit the land, and those with integrity will remain in it....”*

Terkandung dalam Bhagavad Gita, kitab rujukan pengikut Hindu, kata-kata:

*“In battle, in the forest, at the precipice in the mountains, on the dark great sea, in the midst of javelins and arrows, in sleep, in confusion, in the depths of shame, the good deeds a man has done before, defend him”*

Guru Nanak memperingatkan pengikutnya dengan pesanan:

*“He prospers for a while through unrighteousness, then he gains great good fortune, next he conquers his enemies, but, at last he perishes, branch and root; so follow the path of honesty”*

Terkandung dalam ajaran Buddha kata-kata:

*“They should esteem public morality, honor virtuous conduct, listen to honorable teachers and make offerings to them. ....*

*The fragrance of a flower does not float against the wind; but the honor of a good man goes even against the wind into the world”*

Confucious menegaskan bahawa kekuatan sesebuah negara itu dibina melalui amalan integriti yang wajib disemai nilainya bermula dari rumah. Demikian

pentingnya integriti dalam membina jati diri insan, sebagai komponen kekuatan sesebuah negara bangsa; asas untuk membangunkan tamadun yang agung. Terdapat pelbagai peristiwa berlaku di serata dunia yang wajib diambil iktibar, dijadikan pedoman - dijadikan panduan, selaras dengan kata bidalan orang-orang tua dahulu:

- Penakik pisau seraut
- Ambil galah batang lintabung
- Upih diambil ke nyiru
- Air setitik jadikan laut
- Tanah sekepal jadikan gunung
- Alam semesta jadikan guru.

Bersandarkan semangat ‘alam semesta jadikan guru’, Beta memilih memetik beberapa kajian kes, semoga dapat dijadikan pengajaran.

**Kajian Kes Pertama:** Di kalangan negara Asia, Filipina memiliki instrumen pencegahan rasuah paling banyak, 7 undang-undang dan 19 agensi penguatkuasaan. Presiden Ferdinand Marcos turut memperkenalkan lima Agensi Pencegah Rasuah dalam tempoh pemerintahannya (1965-1986). Namun ia tidak bermakna bumi Filipina tidak dimendungi awan rasuah. Malah perlakuan rasuah memuncak dalam masa dua puluh satu tahun pemerintahan Presiden Marcos.

Amalan kronisme amat ketara berlaku di era pemerintahan beliau. Sanak saudara dan kenalan rapat dilantik mengetuai pelbagai agensi dan perbadanan; masing-masing

lebih cenderung mengumpul kekayaan peribadi. Rekod menunjukkan, pasangan suami isteri Ferdinand dan Imelda Marcos telah memindahkan 27 juta US Dolar dari The Philippine National Bank untuk kegunaan sendiri.

Imelda Marcos berbelanja mewah di serata dunia. Dicatatkan, pernah dalam satu hari pada tahun 1982, Imelda membeli skarf dan coklat di Moscow bernilai 7,800 US Dolar; dalam satu hari pada September 1982, membeli emas dan permata bernilai 190,000 US Dolar di Manhattan dan turut membayar 62,000 US Dolar untuk membeli lukisan; pada Julai 1983, Imelda membelanjakan 1 Juta US Dolar sebagai bayaran muka menempah lukisan Michelangelo. Sedangkan dokumen rasmi menunjukkan gaji Presiden Filipina hanyalah 57,750 pesos (menyamai 1,321 US Dolar) sebulan. Ketika digulingkan dari jawatan Presiden, Ferdinand Marcos diunjurkan telah menggelapkan 5 ke 10 bilion US Dolar; serta diunjurkan mengumpul 15 bilion US dolar kekayaan peribadi; mengatasi lebih dari separuh hutang negara.

Filipina memperoleh kemerdekaan pada 4 Julai 1946; digambarkan sebagai salah sebuah negara kaya di Asia tetapi bertukar menjadi negara miskin dalam tahun lapan puluhan apabila Filipina memperkenalkan dasar ekonomi yang tidak betul, mengamalkan sikap berbelanja boros, diburukkan dengan amalan rasuah yang berleluasa. Akibatnya, hutang negara Filipina dalam tempoh tiga tahun, meningkat dari 17 bilion US Dolar pada tahun 1982 kepada 26 bilion US Dolar pada tahun 1985.

**Kajian Kes Kedua:** Pada 13 Mac 2001, bertempat di Imperial Hotel Delhi, Tehelka. com mengadakan sidang akhbar, mendedahkan skandal rasuah dalam urusan

pembelian senjata. Rakaman video mendedahkan penglibatan pemimpin-pemimpin tinggi politik, birokrat dan tentera. Dua wartawan Tehelka.com, Anirudha Bahal dan Mathew Samuel menyamar sebagai agen Syarikat West End International, berpura-pura untuk mendapatkan kontrak kerajaan bagi membekalkan peralatan keselamatan. Tiga kamera dipasang secara sulit untuk merakamkan transaksi rasuah yang berlaku. Rakaman video mendedahkan Bangaru Laxman, Presiden Parti Bharatiya Janata telah menerima sogokan Rs 100,000 (2,170 US Dolar).

Tehelka.com turut mendedahkan budaya rasuah yang berlaku di Kementerian Pertahanan India. Rakaman video memperlihatkan pegawai-pegawai kanan tentera meminum wiski sambil berfoya-foya bersama pelacur di dalam majlis yang diaturkan oleh Tehelka.com. Rakaman video turut mendedahkan 16 pegawai tentera menerima sogokan antara September ke Disember tahun 2000. Atas desakan rakyat, Menteri Pertahanan George Fernandez meletakkan jawatan, Bangaru Laxman meletakkan jawatan Presiden Parti Bharatiya Janata, empat Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan digantung kerja.

**Kajian Kes Ketiga:** Pada 4 Februari 1976, Jawatankuasa Senat Amerika Syarikat dimaklumkan bahawa Lockheed Aircraft Corporation telah melakukan bayaran yang menyalahi undang-undang untuk mempromosikan jualan pesawat ketika Lockheed begitu terdesak menghadapi kemufusan. Dokumen-dokumen menunjukkan Lockheed membayar lebih 10 juta US Dolar kepada Yoshio Kodama, agen sulit mewakili Lockheed, berperanan sebagai perantaraan di antara Lockheed dan Marubeni Corporation. Pada 6 Februari 1976, Naib Presiden Lockheed, A. Karl Kotchian memaklumkan

kepada Jawatankuasa Senat bahawa seorang pegawai kanan Kerajaan Jepun telah menerima dua juta US Dolar dari Marubeni Corporation kerana Marubeni Corporation memerlukan pertolongan orang perantaraan, Kenji Osano, teman rapat Perdana Menteri Kakuei Tanaka, untuk mendapatkan jasa baik Tanaka mempengaruhi All Nippon Airways membeli 21 pesawat Airbus Lockheed's L-1001 Tristar.

Susulan dari pendedahan tersebut, Jabatan Pendakwa Raya Daerah Tokyo, Ibu Pejabat Polis Metropolitan dan Biro Cukai Nasional telah melakukan siasatan. Pada 13 Mac 1976, Yoshio Kodoma didakwa kerana tidak mengisyiharkan pendapatan komisen 6.3 juta US Dolar yang diperoleh dari Lockheed. Dalam bulan Jun 1976, Toshiharu Okubo dari Marubeni Corporation dan Yuji Sawa dari All Nipon Airways telah ditahan; di samping itu, 16 petugas Maribuni Corporation dan All Nipon Airlines turut didakwa.

Pada 27 Julai 1976, Kakuei Tanaka ditangkap. Pada 16 Ogos, Tanaka didakwa di Mahkamah Daerah Tokyo, kerana melakukan kesalahan di bawah The Foreign Exchange Law serta menerima rasuah 500 juta Yen (2.1 juta US Dolar). Beliau dikenakan ikat jamin 200 juta Yen. Setelah melalui proses perbicaraan yang mengambil masa tujuh tahun, pada 12 Oktober 1983 Tanaka disabitkan dengan kesalahan, dijatuhan hukuman empat tahun penjara dan denda 500 juta Yen. Tanaka mengemukakan rayuan. Pada 29 Julai 1987, Mahkamah Tinggi Tokyo mengesahkan keputusan Mahkamah Daerah Tokyo. Tanaka sekali lagi mengemukakan rayuan.

Tiga kajian kes berlatar belakangkan senario tiga negara Asia; Filipina, negara sedang membangun; India, terkenal sebagai demokrasi terbesar di dunia; Jepun, negara

maju dengan pencapaian ekonomi yang tinggi serta dikenali mengamalkan budaya disiplin yang ketat. Bagaimanakah kesudahan kepada kes-kes tersebut.

Ferdinand Marcos digulingkan, meninggalkan negaranya pada tahun 1986, meninggal dunia di Honolulu pada 28 September 1989. Imelda Marcos menghadapi 32 dakwaan menyelewengkan 863 juta US Dolar yang disimpan di Swiss Bank. Perbicaraan Imelda memakan masa 17 tahun. Keputusannya, penghakiman Hakim Silvino Pampilo pada 10 Mac 2008, mendapati Imelda tidak boleh disabitkan dengan sebarang kesalahan. Namun di mata dunia, imej Imelda dengan rasuah tidak terpadam. Masih terbayang gambar yang dipaparkan oleh akhbar-akhbar, mempamerkan koleksi 3000 pasang kasut berjenama, lima rak beg tangan Gucci belum dipakai, malah masih memiliki tag harga, koleksi minyak wangi dan krim muka Christian Dior, lima ratus coli (kebanyakannya berwarna hitam) yang tersusun dalam almari, serta pelbagai item lagi yang ditinggalkan di Istana Malacanang.

Di negaranya sendiri, Imelda menawarkan diri bertanding jawatan Presiden pada tahun 1992 dan 1998. Bermodalkan sumber kekayaan yang dimiliki, Imelda Marcos berjaya mendapat sokongan, dipilih sebagai ahli Kongres bagi Provinsi Leyte pada tahun 1995, dan bagi Provinsi Ilocos Norte pada tahun 2010.

Dua bulan selepas disabitkan kesalahan rasuah dan dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Daerah Tokyo, Tanaka memenangi pilihan raya pada Disember 1983, dipilih sebagai ahli parlimen (DIET) bagi kawasan Niigata dengan kemenangan majoriti besar. Meskipun disabitkan dan dihukum oleh Mahkamah Daerah dan Mahkamah

Tinggi Tokyo, Tanaka terlepas dari menjalani sebarang hukuman kerana walaupun prosiding perbicaraan telah melewati 17 tahun, proses rayuannya masih belum selesai ketika Tanaka meninggal dunia pada 16 Disember 1993; malah respons kepada soal selidik yang dilakukan pada Januari 1995 oleh akhbar Yomiuri Shimbun mendapati, di kalangan rakyat biasa Jepun, populariti Tanaka, berada teratas berbanding Perdana Menteri-Perdana Menteri Yoshida Shigeru, Sato Eisaku dan Ikeda Hayato. Di kalangan penyokong, Tanaka disanjung sebagai pemimpin yang mengambil berat nasib rakyat; dianggap pemimpin politik Jepun paling popular di era pasca Perang Dunia Kedua.

Apakah moral di sebalik kes-kes yang telah dihuraikan? Ia menyentuh aspek integriti. Filipina, memiliki begitu banyak instrumen untuk membanteras rasuah. Namun undang-undang bagaikan dakwat yang hanya tertulis di kertas sementara agensi pelaksana wujud hanya pada nama. Bahawa undang-undang dan agensi, jika berperanan kosmetik, tidak memberi erti, malah akan hanya menambahkan kos pengurusan kepada negara. Rasuah bukan sahaja tidak dapat dibendung, malah semakin berkembang; apatah lagi jika wang begitu berpengaruh sehingga berupaya membersihkan nama, serta pelaku rasuah kembali memperoleh sokongan, meskipun pernah disingkir kerana terlibat dengan rasuah.

India terkenal sebagai demokrasi terbesar di dunia, memberi ruang kebebasan yang luas kepada warga untuk bersuara. Malangnya kebebasan demokrasi dan kebebasan bersuara tidak membantu untuk rasuah berjaya dibendung secara berkesan; bagaikan tersirat, berlakunya sifat mengaku kalah, tidak berupaya

72

membasmi rasuah; lalu amalan rasuah terus menjalar sebagai parasit yang subur hidup di setiap pepohon pentadbiran dan pengurusan negara. Ia dibimbangkan semakin merebak, seperti yang terdedah dalam perbelanjaan Sukan Komanwel Delhi 2010, tercatat dalam sejarah sebagai Sukan Komanwel yang melibatkan kos paling tinggi, melonjak dari bajet asal 5 juta US Dolar, mencecah 5 bilion US Dolar. Akbar The India Today menyiarakan maklumat dalaman, bagaimana penganjur telah membayar 80 US Dolar untuk satu gulung kertas toilet, 125 US Dolar untuk 1 unit First-Aid Kit hinggalah kepada 23,000 US Dolar untuk satu mesin treadmill; sedangkan 250 juta rakyat India dilaporkan tidak mempunyai makanan yang cukup dan dua puluh satu peratus penduduk negara berada dalam kategori kurang pemakanan (undernourished).

Jepun sebuah negara maju. Indeks Persepsi Rasuah Transparency International, menempatkan Jepun di kalangan negara Asia, berada di tangga ketiga selepas Singapura dan Hong Kong dari segi bersih rasuah. Jepun bagaikan berada dalam paradoks; dianggap hampir mencapai status sifar rasuah di peringkat petty corruption di kalangan pegawai bawahan tetapi terdapat rasuah struktural atau structural corruption secara besar-besaran yang melibatkan pihak atasan. Ahli politik Jepun memerlukan modal besar untuk survival, untuk menampung perbelanjaan aktiviti politik dan untuk mendapatkan sokongan politik. Structural corruption begitu endemik dalam sistem yang dikawal oleh oligarki yang mengamalkan politik naungan dan budaya imbuhan; lalu terbina segi tiga yang reput ataupun the rotten triangle, persepakatan atau collusion di antara ahli politik, anggota birokrasi dan tokoh peniagaan.

73

Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah binasa umat terdahulu sekiranya yang mencuri itu berpangkat tinggi, lalu mereka dibiarkan sahaja, tetapi jika yang mencuri itu dari kalangan mereka yang lemah, lalu dengan segera dijatuhkan hukuman ke atasnya. Demi ALLAH, yang aku di dalam kekuasaan Nya, kalaualah Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku kudungkan tangannya”.

Adakah rasuah barah yang tidak boleh dicegah? Adakah rasuah penyakit yang tidak dapat diubati? Apabila seorang doktor diminta merawat pesakit, doktor perlu mengenal pasti penyakit secara tepat, bersedia memberikan preskripsi sebenar, berani bertindak menyembuhkan pesakit. Tindakan pengubatan (curative measures) perlu dilakukan secara pantas - secara tegas walaupun pesakit terpaksa menanggung perit atau terpaksa kehilangan organ, hatta organ yang paling disayangi. Antara organ paling berharga kepada wanita adalah keindahan payudara kurniaan ILAHI. Tetapi apabila payu dara diserang barah, ia perlu dipisahkan kerana menyimpan payu dara yang telah dihinggapi barah, akan hanya memusnahkan seluruh tubuh pesakit hingga akhirnya membawa maut. Oleh itu tugas doktor jangan diganggu.

Beta memilih memetik tiga kajian kes yang boleh dijadikan contoh tentang kesungguhan dan ketegasan negara, kerajaan dan pemimpin untuk membasmi rasuah.

74

Kajian Kes Pertama: HANBO Iron and Steel Company adalah syarikat keluli kedua terbesar dan konglomerat keempat belas terbesar di Korea Selatan. Hutang terkumpul syarikat pada Januari 1997, mencecah 5.6 bilion US Dolar dan syarikat diisyiharkan bankrap. Pengasas HANBO, Chung Tae-Soo disabitkan kesalahan, dijatuhan hukuman 15 tahun penjara kerana melakukan sogokan kepada tokoh-tokoh politik, pengarah dan pengurus bank untuk meluluskan pinjaman yang besar kepada HANBO. Sembilan individu lain termasuk anak Chung Tae-Soo dijatuhan hukuman tiga tahun penjara kerana kesalahan rasuah dan menggelapkan wang. Kim Hyun Chol anak Presiden Kim Young-Sam turut disabitkan, dikenakan hukuman tiga tahun penjara dan denda 1.5 juta US Dolar.

Skandal HANBO telah memusnahkan mitos yang menganggap konglomerat besar tidak boleh dijatuhan. Di samping HANBO, Syarikat KIA yang merupakan konglomerat ketujuh terbesar di Korea Selatan turut diisyiharkan bankrap pada Julai 1997. Skandal HANBO disusuli pengisytiharan bankrap 10 konglomerat lain adalah antara pencetus kepada krisis kewangan 1997 di Korea Selatan. Skandal tersebut turut mendedahkan bahawa sektor pembuatan tidak tebat (insulated) dari aktiviti rasuah; dan betapa pertimbangan urus niaga yang sepatutnya diasaskan kepada analisis kredit telah dinodai oleh pengaruh politik. Komuniti kewangan antarabangsa merumuskan, terdapat empat kelemahan dalam sistem ekonomi Korea Selatan ketika itu:

- i. Pergantungan konglomerat kepada pinjaman kewangan secara berlebihan.
- ii. Berlaku konspirasi antara tokoh politik dengan konglomerat.
- iii. Amalan kurang telus akaun perniagaan.
- iv. Mekanisme kawalan bank yang tidak efektif.

75

Skandal HANBO menjelaskan legitimasi dan kredibiliti Presiden Kim Young Sam. Ketika mengambil alih kepimpinan negara pada Februari 1993. Presiden Kim Young Sam berazam untuk membasmi rasuah; Kim Young Sam berjanji untuk memisahkan politik dengan perniagaan. Imej Kim Young Sam lebih tercemar apabila anaknya sendiri turut disabitkan, kerana falsafah Confucianisme menegaskan bahawa seorang ayah itu adalah sumber autoriti moral keluarga. Dalam pada itu, pendirian Kim Young Sam tidak melindungi anak kandungnya dari menghadapi proses undang-undang dan menjalani hukuman penjara, adalah sifat negarawan yang wajib dicontohi.

Korea Selatan mengamalkan demokrasi selepas Presiden Roh Tae-Woo mengambil alih pemerintahan pada tahun 1988. Walaupun Skandal HANBO memusnahkan ilusi yang menganggap rasuah akan berakhir dengan berakhirnya pemerintahan autoritarian, namun tidak juga dinafikan bahawa transformasi politik dari sistem authoritarian kepada sistem demokrasi, telah memberikan opsyen kepada rakyat boleh menukar pemerintahan yang dilihat gagal mengawal rasuah. Kim Young-Sam adalah Presiden pertama dari kalangan awam apabila dipilih pada Februari 1993. Beliau diganti oleh Kim Dae-Jung pada Februari 1998, beralih kepada Roh Moo Hyun pada Februari 2003, bertukar kepada Lee Myung-Bak pada Februari 2008, dan pada Februari 2013, Korea Selatan buat pertama kalinya memilih seorang Presiden Wanita, Park Geun-hye.

Setiap kali diadakan pilihan raya, calon-calon yang bertanding, berikrar untuk menghapuskan rasuah, namun masih terdapat jurang antara kata dan kota. Usaha

76

mahu menubuhkan agensi pencegah rasuah yang bebas, berkecuali dan berautonomi belum tercapai sepenuhnya; penghalang utama kepada hasrat tersebut adalah Jabatan Pendakwa Raya dan Agensi Polis Nasional yang berpendirian bahawa tugas mencegah rasuah adalah di bawah bidang kuasa mereka; di samping kegagalan mendapat sokongan dari anggota National Assembly. Rakyat Korea Selatan berpegang bahawa rasuah akan dapat dihapuskan apabila pemimpin tertinggi, baik di bidang politik begitu juga di dalam kerajaan dapat mengamalkan gaya hidup bermoral, beretika dan menjadi model mengamalkan integriti dan kejujuran. Pimpinan politik Korea Selatan masih dalam usaha mencari perimbangan untuk memulakan langkah yang lebih berani - lebih tegas.

**Kajian Kes Kedua:** Pada bulan April 1973, Ketua Superintenden Peter F. Godber, Timbalan Komander Polis Daerah Kowloon, Hong Kong, dilaporkan menghantar wang keluar negara. Pada akhir Mei 1973, Pejabat Pencegah Rasuah mendapati sejak tahun 1968, Godber telah mendepositkan wang ke dalam akaun-akaun bank di Hong Kong dan di luar negara berjumlah 650,000 Hong Kong Dolar. Maklumat lebih lengkap diperoleh setelah siasatan terperinci dilakukan; pada 9 Jun 1973, Godber dilapur memiliki kekayaan mencecah lebih 4.4 juta Hong Kong Dolar. Godber dan isterinya menyelinap lari meninggalkan Hong Kong pada 7 Jun 1973. Media Hong Kong mendedahkan berita pelarian Godber sementara pelajar-pelajar mengadakan protes mendesak Perdana Menteri Britain menghantar Godber balik ke Hong Kong untuk dibicarakan.

Gabenor Jeneral, Sir Murray MacLehose peka dengan tuntutan rakyat Hong Kong. Beliau lalu menubuhkan Suruhanjaya Siasatan yang diketuai oleh Sir Alastair Blair

Kerr. Suruhanjaya mengenal pasti bagaimana Godber dapat membolos kawalan keselamatan hingga berjaya melarikan diri. Suruhanjaya turut mengkaji kelemahan Prevention of Bribery Ordinance (POBO) kerana tidak memperuntukkan proviso membolehkan Godber dihantar balik ke Hong Kong.

Antara perkara yang diperakukan oleh Suruhanjaya Siasatan adalah penubuhan The Independent Commission Against Corruption (ICAC) pada Februari 1974. ICAC ditubuhkan dengan dua tujuan utama, pertama: membasi rasuah; kedua: mengembalikan keyakinan umum terhadap Kerajaan. Ia memiliki autonomi, bertanggung jawab secara langsung kepada Gabenor Jeneral. Proviso tertentu telah diperuntukkan kepada ICAC untuk membolehkan ICAC merintis usaha memastikan Godber tidak terlepas dari di hadap ke muka pengadilan.

Pada 29 April 1974, Godber didakwa di London kerana menerima 15,000 Hong Kong Dolar dari Superintenden Cheng Hon-kuen untuk menempatkan Chen sebagai Ketua Polis Daerah Wan Chai, penempatan yang memberi peluang luas melakukan rasuah. Selepas sembilan belas bulan melarikan diri ke Britain, Godber akhirnya di bawa balik ke Hong Kong pada 7 Januari 1975 untuk didakwa. Godber disabitkan dengan kesalahan rasuah, dijatuhi hukuman empat tahun penjara.

Sebelum penubuhan ICAC amalan rasuah di Hong Kong diterima sebagai satu kelaziman - satu budaya - satu struktur - satu norma; berlaku bagaikan sindiket yang diinstitusikan. Usaha menyiasat, membawa balik, mendakwa dan mensabitkan Godber memanifestasikan titik permulaan untuk membuktikan tidak ada sesiapa

77

78

berada di atas undang-undang. Penubuhan ICAC mencetuskan perubahan signifikan, membuktikan kesungguhan Kerajaan untuk mengambil tindakan, melakukan siasatan dan menguatkuasakan undang-undang tanpa gentar – tanpa pilih kasih.

ICAC memberi fokus kepada tiga perkara, pertama: siasatan, kedua: pencegahan, ketiga: pendidikan. Hong Kong kini berjaya mencerminkan imej pentadbiran yang berintegriti. Walaupun usaha untuk menangani rasuah pada mulanya dianggap mustahil dicapai, berdasarkan sejarah bumi Hong Kong yang begitu bertoleransi dan persekitaran budaya di Hong Kong yang begitu sebatи bergelumang dengan rasuah, tetapi kini terbukti, bahawa tidak ada gunung curam yang tidak boleh didaki, kalau ada niat yang gigih – kalau ada azam yang kukuh, membujur lalu melintang patah, patah sayap bertongkat paruh, namun gunung didaki juga. Ia tercapai kerana adanya azam dan ketegasan politik, diperlengkap dengan pentadbiran awam yang telus, serta diperkuuhkan dengan peranan media, badan-badan bukan kerajaan dan pemerhati bebas, paling utama badan siasatan, badan pendakwaan dan mahkamah yang berada di atas politik. Keberkesanan ICAC telah membersihkan Hong Kong dari imej negatif; berjaya meletakkan Hong Kong pada hari ini berimej bersih rasuah; di kalangan negara Asia, berada di tangga kedua selepas Singapura.

Kajian Kes Ketiga: Berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah Transparency International, Singapura dikategorikan sebagai negara yang paling kurang berlakunya rasuah. Namun ia tidak bermakna rasuah tidak berlaku.

79

Sejak diisytiharkan merdeka sebagai sebuah Republik pada tahun 1965, Kerajaan Singapura telah bertindak tegas terhadap empat pemimpin tertinggi The People Action Party (PAP). Seawal tahun 1966, Menteri Pembangunan Negara, Tan Kia Gan disyaki terlibat membantu kenalan beliau dalam urusan pembelian pesawat Boeing MALAYSIAN AIRWAYS. Walaupun tidak dapat disabitkan kerana saksi-saksi tidak bersedia memberikan keterangan, Tan Kia Gan diarah meletakkan jawatan, dianggap telah mencalarkan nama baik Kerajaan. Dalam tahun 1975, Minister of State, Wee Toon Boon, didakwa menerima sogokan dari pemaju, disabitkan kesalahan, dihukum empat setengah tahun penjara. Dalam tahun 1979, Ahli Parlimen dan Ketua Kesatuan Sekerja Phey Yew Kok disiasat kerana melakukan pecah amanah. Phey melarikan diri keluar negara; sehingga hari ini masih bertaraf pelarian (fugitive).

Paling dramatik adalah kes Menteri Pembangunan Negara Singapura (1979 – 1986), Teh Cheang Wang. Kontraktor binaan Liu Cho Hit menawarkan sogokan satu juta Dolar Singapura kepada seorang lagi kontraktor, Liaw Teck Kee meminta persefahaman Liaw untuk melindungi Teh Cheang Wang dari siasatan rasuah. Liaw bukan sahaja menolak tawaran tersebut malah membuat laporan kepada The Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB).

Teh Cheang Wang disoal siasat. Teh Cheang Wah membunuh diri pada 14 Disember 1986. Semasa sesi Parlimen bertarikh 4 Mac 1987, Chiam See Tong, Anggota Parlimen Potong Pasir dari parti pembangkang bertanyakan sama ada Perdana Menteri Lee Kuan Yew ada konspirasi mahu melindungi kebenaran di sebalik kes rasuah yang berakhir dengan Teh Cheang Wang membunuh diri. Lee Kuan Yew

80

memberikan jaminan bahawa Kerajaannya tidak berhasrat melindungi sesiapa juga yang terlibat dengan rasuah. Pada 26 Mac 1987, Presiden Wee Kim Wee melantik tiga anggota Suruhanjaya Siasatan dan Chiam turut diberikan peranan membantu menggariskan terma rujukan Suruhanjaya yang ditubuhkan.

Dalam testimoni kepada Suruhanjaya Siasatan, Pengarah CPIB melaporkan bahawa 157 orang telah ditemu duga dan 134 kenyataan direkodkan. Beliau merumuskan bahawa perlakuan rasuah tersebut tidak melibatkan pihak-pihak lain. Liaw Teck Kee selaku saksi utama mengaku kepada Suruhanjaya Siasatan bahawa beliau berperanan orang tengah dua kali menyampaikan sogokan kepada Teh Cheang Wan, setiap kali bernilai 500,000 Dolar Singapura; dan dari jumlah satu juta dolar Singapura itu, Teh memberi komisen 200,000 Dolar Singapura kepada Liaw. Saksi ketiga Penolong Pengarah Kanan CPIB Tan Ah Leak, memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa Teh Cheang Wang mengaku menerima sogokan, menawarkan diri untuk meletak jawatan dan bersedia memulangkan terimaan rasuah 800,000 Dolar Singapura, jika Lee Kuan Yew berjanji tidak mendakwanya di mahkamah. Dalam memoirnya Lee Kuan Yew mencatatkan:

Petikan:

*"We had established a climate of opinion which looked upon corruption in public office as a threat to society. Teh preferred to take his life rather than face disgrace and ostracism. I never understood why he took this S\$800,000. He was an able resourceful architect and could have made many millions honestly in private practice".*

81

Kerajaan Singapura seterusnya menggubal The Corruption (Confiscation of Benefits) Act 1989, pada 3 Mac 1989, membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah menyita harta yang terbukti diperoleh secara rasuah. Singapura diiktiraf berjaya melaksanakan langkah berkesan membendung rasuah dengan mencatatkan pencapaian 9.3 mata, berada di tempat pertama bersama Denmark dan New Zealand di kalangan 178 negara dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah Transparency International 2010. Penentu utama adalah kesungguhan dan ketegasan politik. Walaupun CPIB ditempatkan di bawah pengawasan Perdana Menteri, ia bebas melakukan siasatan kepada setiap aduan; tidak ada sesiapa diberikan pengecualian – tidak ada pihak diberikan kekebalan.

Setelah memetik enam kajian kes yang memperlihatkan ketidaksungguhan dan kesungguhan menangani rasuah di enam negara Asia, huraian ini tidak lengkap jika Beta tidak bersedia mengambil contoh di negara sendiri agar Konvensyen ini tidak bersifat melihat tungau di seberang lautan, melupakan gajah di hadapan mata.

Dalam tahun 1964, negara menyaksikan Menteri Pelajaran merangkap Menteri Kesihatan Abdul Rahman Talib (Allahyarham) kalah dalam perbicaraan kes sivil melawan S.P. Seenivasagam, memberi implikasi Abdul Rahman Talib terlibat dengan rasuah. Abdul Rahman Talib (Allahyarham) mengundur diri dari menjadi anggota Jemaah Menteri.

Dalam pilihan raya umum tahun 1969, sokongan terhadap parti pemerintah, PERIKATAN, merosot. Tun Abdul Razak (Allahyarham) peka membaca mesej rakyat. Tun Abdul Razak meneliti isu-isu utama yang dijadikan peluru menyerang PARTI PERIKATAN dan menyerang Kerajaan semasa kempen pilihan raya, lalu segera bertindak melakukan

82

langkah-langkah pembetulan. Imej kerajaan berkaitan rasuah ditangani tanpa bertangguh. Tun Abdul Razak tidak memberi perlindungan kepada mana-mana juga anggota pentadbiran dan ahli parti yang terpalit dengan rasuah. Atas nasihat Dato' Harun Hashim, MAJLIS GERAKAN NEGARA (MAGERAN) melalui Ordinan Darurat No. 22, memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), untuk membekukan aset orang yang disyaki melakukan rasuah. Menteri Besar Perak, Dato' Ahmad Said didedahkan memiliki wang sejumlah hampir satu perpuluhan dua juta ringgit (1,138,403.00 ringgit); sebanyak tiga ratus tiga puluh ribu ringgit (329,979.00 ringgit) wang tersebut telah disita kerana didapati diperoleh secara rasuah. Dato' Ahmad Said meletakkan jawatan Menteri Besar Perak pada Februari 1970.

Dalam bulan Julai 1970, Menteri Besar Terengganu, Ibrahim Fikri diarah bercuti selama dua bulan dan selepas itu jawatan Menteri Besar Terengganu digantikan dengan Mahmood bin Sulaiman. Di peringkat Persekutuan, Khaw Kai Boh diarah berundur dari menjadi anggota jemaah Menteri pada September 1970. Sepanjang tahun 1970, BPR melakukan 3,265 inkuiri, 319 siasatan penuh, melakukan tangkapan 115 individu dan 67 penjawat awam; sementara tindakan disiplin dikenakan terhadap 87 pegawai. BPR turut diarah melakukan siasatan terhadap kontraktor dan pembekal yang memanipulasikan proses tender Kerajaan.

Pendekatan preventif disuntik untuk meningkatkan integriti serta daya tahan pegawai awam dari godaan rasuah. Skala gaji baru diperkenalkan dengan mengambil kira kos sara hidup, diperlengkap dengan kemudahan skim pinjaman perumahan, agar kakitangan awam boleh membeli rumah tanpa perlu bergantung pada sumber

kewangan dari pihak lain. Pada awal tahun 1971, Dato' Harun Hashim merumuskan bahawa kempen memerangi rasuah telah mencapai matlamat. Kesungguhan beliau memerangi rasuah dihargai. Dato' Harun Hashim diangkat ke kerusi Hakim Mahkamah Tinggi pada Mac 1971.

Dalam tahun 1976, Dato' Harun Idris (Allahyarham) disabitkan dengan kesalahan rasuah. Dato' Harun dibicarakan di hadapan Paduka Ayahanda Beta, ketika itu Hakim Raja Azlan Shah. Hakim Raja Azlan Shah menghadapi tugas berat. Tertuduh, bukan sahaja mempunyai sokongan politik tetapi seorang individu yang tidak asing kepada Baginda. Ketika menjatuhkan hukuman antara lain Hakim Raja Azlan Shah menyatakan:

Petikan:

*"It is painful for me to have to sentence a man I know. I wish it were the duty of some other judge to perform that task.*

*To me this hearing seems to re-affirm the vitality of the rule of law. But to many of us, this hearing also suggests a frightening decay in the integrity of some of our leaders.*

*It has given horrible illustrations of Lord Acton's aphorism 'power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely', and has focussed concern on the need of some avowed limitations upon political authority.*

83

*..the law is no respector of persons. Nevertheless it will be impossible to ignore the fact that you are in a different category from any person that I have ever tried. It would be impossible to ignore the fact that, in the eyes of millions of our countrymen and women, you are a patriot and a leader. Even those who differ from you in politics look upon you as a man of high ideals. You had every chance to reach the greatest height of human achievement. But half-way along the road, you allowed avarice to corrupt you. It is incomprehensible how a man in your position could not in your own conscience, recognise corruption for what it is. In so doing, you have not only betrayed your party cause, for which you have spoken so eloquently, but also the oath of office which you have taken and subscribed before your Sovereign Ruler, and above all the law of which you are its servant".*

Petikan dari penghakiman tersebut mengandungi kata-kata bukan sekadar mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukum. Petikan kata-kata tersebut mengandungi komponen khutbah nasihat, khutbah teguran, khutbah peringatan, khutbah amaran, agar dijadikan teladan. Tentulah berat bagi lidah Hakim Raja Azlan Shah untuk menzahirkan ungkapan kata-kata sedemikian keras dan tegas terhadap tertuduh, yang turut Baginda kenali; tetapi Hakim Raja Azlan Shah perlu lebih mengutamakan kedaulatan undang-undang dan kepentingan umum dari batang tubuh seorang kenalan.

Integriti dapat diperkasakan jika pentadbiran negara diterasi atas tiang perundangan, dikuatkuasakan tanpa gentar – tanpa pilih kasih; tanpa halangan – tanpa campur tangan politik. Kesungguhan pemimpin menangani rasuah, serta langkah tegas

pemimpin berani mengeluarkan selaras dari anatomi pentadbiran, sebenarnya akan lebih mengukuhkan kedudukan pemimpin, di samping membina imej positif kerajaan, serta meningkatkan penghormatan dan keyakinan rakyat terhadap pemimpin, sekali gus meningkatkan integriti pemimpin di mata rakyat.

Tun Abdullah Ahmad Badawi (ketika itu Dato' Seri) mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Antara agenda utama paling awal yang ditegaskan, adalah integriti dan keazaman memerangi rasuah. Penubuhan Institut Integriti Malaysia diisyiharkan pada 5 November 2003, lima hari selepas menjawat jawatan Perdana Menteri. Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ditubuhkan pada Februari 2004, bertujuan mengembalikan imej, reputasi dan integriti Polis Diraja Malaysia.

Pilihan Raya kesebelas berlangsung dengan latar belakang imej pemimpin dan imej Kerajaan yang berazam mengutamakan integriti, turut berazam memerangi rasuah, tanpa gentar – tanpa pilih kasih (without fear or favour). Ucapan dan kenyataan diperkuuhkan dengan kes-kes yang didakwa yang melibatkan nama-nama besar. Tiga kes rasuah yang melibatkan pihak atasan dihadapkan ke mahkamah dalam tempoh empat hari. Mantan Presiden Majlis Perbandaran Kangar, Baharuddin Ahmad di dakwa pada 9 Februari 2004, diikuti dengan Tan Sri Eric Chia pada 10 Februari, dan Tan Sri Kasitah Gadam pada 12 Februari. Senario ini dipercayai ada pengaruh di kalangan pengundi semasa berlangsungnya pilihan raya umum kesebelas pada 21 Mac 2004. BARISAN NASIONAL mencipta kejayaan gemilang, memenangi 198 kerusi Parlimen dan memperoleh 63.9 peratus undi popular.

86

Keputusan Pilihan Raya kesebelas memanifestasikan harapan dan hasrat rakyat yang mahukan pentadbiran negara yang bersih, berintegriti dan sifar rasuah. Rakyat dijanjikan – rakyat diberikan harapan - rakyat mempercayainya - rakyat memberi sokongan. Hakikat yang berlaku di antara Pilihan Raya Kesebelas sehingga Pilihan Raya Kedua Belas, gagal memenuhi harapan tinggi rakyat. Rakyat merasakan kata tidak dikota. Rakyat tidak dapat diyakinkan dengan ucapan – dengan janji; dengan indeks pencapaian, sekiranya indeks pencapaian tidak memberi erti, tidak benar-benar dirasakan dalam kehidupan harian rakyat.

Indeks pencapaian integriti yang diperkenalkan adalah sekadar mekanisme ukuran, hanyalah satu penunjuk yang ada kalanya bersifat selektif, tidak memberikan gambaran sebenar. Negara tidak harus terlalu cepat memamah lalu terperangkap dengan indeks pencapaian kuantitatif yang dipamerkan dengan data yang tampak menggambarkan kejayaan. Pentas hidup ini mempunyai ramai watak penglipur lara yang bijak menari mengikut irama. Tragedi Revolusi Kebudayaan di Cina yang dipelopori oleh Mao Tze Tung perlu dijadikan contoh peringatan. Di era Revolusi Kebudayaan, manipulasi data dilakukan di setiap peringkat, merangkumi kampung, bandar, komuniti, wilayah dan negara supaya Mao terhibur dengan angka-angka yang menunjukkan pencapaian sasaran. Di kiri kanan jalan raya begitu juga di kiri kanan landasan kereta api yang dilalui oleh Mao, akan diwujudkan teater dan tirai latar yang melakonkan kejayaan. Rakyat dan produk dari tempat lain diimport, gudang dibangunkan secara segera, tumbuhan ditanam menjelang lawatan, ladang diperlihatkan subur, dan rakyat China dipamerkan bekerja sambil menyanyi

87

sambil menari penuh keceriaan. Mao Tze Tung terpukau, merasakan dirinya bijak, kerjanya betul, rancangannya berjaya dan rakyatnya sejahtera; sedangkan realitinya amat berbeza. Jutaan rakyat China kebuluran, jutaan mati kerana tiada makanan. Sifat terlalu taksub kepada pencapaian kuantitatif boleh menjadi madat bahaya yang berpotensi membiakkan budaya hipokrasi dan kepura-puraan hingga melenakan pemimpin dalam mimpi serba indah. Untuk itu, ada baiknya cerita kejayaan diaudit, dibandingkan supaya dikenal pasti jurang antara realiti yang sebenarnya berbanding laporan yang dikemukakan.

Anggota perkhidmatan awam hendaklah diasuh berani berkata benar agar yang condong dapat segera ditegakkan, yang tiris dapat segera ditampal. Keberanian menyatakan kebenaran meski dimarahi - meski tidak disukai, melambangkan integriti. Filantropi serta tokoh perniagaan dan pelaburan terkenal di Amerika Syarikat, Warren Buffet ketika menyaring calon-calon untuk diambil bekerja berpegang kepada prinsip:

Petikan:

*"In looking for people to hire, you look for three qualities, integrity, intelligence and energy. And if they don't have the first, the other two will kill you".*

Prinsip tersebut jelas terkandung di sebalik maksud ayat 26 Surah Al-Qasas;

"Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu boleh pilih untuk bekerja (untuk mu) ialah orang yang kuat (yakni berkebolehan) lagi dapat dipercayai (ia itu amanah)" .

88

Rakyat mahu dibuktikan dengan contoh teladan dari pemimpin. Kembalilah berpegang pada yang nyata, berguru kepada alam, mengambil contoh teladan baik dari pemimpin terdahulu yang pemergian mereka ditangisi rakyat.

Kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam tidak tertanding nilai teladannya. Baginda sebaik-baik contoh memimpin melalui teladan. Baginda telah wafat. Namun, ucap kata dan tingkah laku Baginda dirujuk sebagai Sunnah, terus dijadikan pedoman. Bumi kita telah dirahmati ILAHI dengan dikurniakan pemimpin-pemimpin yang telah memberikan contoh teladan baik, mengingatkan Beta kepada salah satu Hadis Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam yang diriwayatkan oleh Abu Daud bermaksud:

“Jikalau ALLAH inginkan supaya sesuatu bangsa itu sejahtera, maka ALLAH akan memberikan bangsa itu pemimpin yang baik.”

Beta memilih untuk berkongsi beberapa episod mengenai teladan kepimpinan baik agar dapat memberikan inspirasi dalam hasrat mahu memperkasakan integriti diri.

Episod pertama: Seorang ibu amat risau akan perangai anaknya memakan gula secara berlebihan. Ibu tersebut membawa anaknya berjumpa Mahatma Gandhi memohon Gandhi menasihatkan anaknya untuk tidak memakan gula. Gandhi hanya menasihatkan ibu tersebut untuk pulang dan datang semula sebulan kemudian. Sebulan berlalu, ibu dan anak tersebut kembali bertemu Gandhi. Kali ini, barulah Gandhi menasihatkan anak tersebut untuk berhenti memakan gula. Perbuatan

Gandhi menghairankan ibu dan anak. Mereka bertanya mengapa nasihat sedemikian tidak disuarakan sewaktu kunjungan pertama. Jawab Gandhi, “ketika kamu berdua menemui aku kali pertama, aku sendiri ketika itu masih memakan gula. Pastinya aku tidak layak menyuruh orang lain berhenti melakukan perkara yang aku sendiri masih lakukan. Aku baru sebulan berhenti memakan gula, maka barulah aku berada dalam kedudukan yang layak menasihati orang lain untuk turut berhenti memakan gula”.

89

Episod Kedua: Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) pernah mendapat rawatan di sebuah hospital di London. Yang Teramat Mulia Tunku tertarik dengan susun atur hospital tersebut. Kebetulan Hospital Besar Kuala Lumpur dalam peringkat perancangan pembinaan semula. Setelah kembali ke Tanah Air, Yang Teramat Mulia Tunku mencadangkan kepada Menteri Kerja Raya, Tun Sambanthan (Mendiang) untuk menimbaangkan kemungkinan mendapat pandangan dari juru perunding hospital berkenaan membantu perancangan pembinaan Hospital Kuala Lumpur.

Kementerian Kerja Raya merintis perbincangan awal. Dalam salah satu sidang Parlimen, seorang anggota Parlimen mencelah soalan kepada Menteri Kerja Raya bertanyakan kesahihan cerita bahawa atas arahan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya telah melantik kenalan peribadi Perdana Menteri sebagai juru perunding untuk pembinaan Hospital Kuala Lumpur. Yang Teramat Mulia Tunku yang turut ada di Parlimen semasa soalan dikemukakan terus bangun, meminta laluan dari Menteri Kerja Raya, secara terbuka mengaku ada mencadangkan kepada Menteri Kerja Raya tetapi menafikan juru perunding tersebut adalah kenalan peribadi beliau.

90

Yang Teramat Mulia Tunku, selanjutnya menyatakan, memandangkan ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan keraguan yang boleh menjelaskan integritinya, Yang Teramat Mulia Tunku di Dewan Parlimen itu sendiri mengarahkan supaya apa juga perhubungan yang telah dijalankan dengan juru perunding tersebut hendaklah ditamatkan serta-merta.

**Episod Ketiga:** Tun Abdul Razak (Allahyarham) dalam salah satu lawatan ke luar negara, terlupa membawa ubat gigi dan krim rambut lalu meminta juru iring beliau membelinya. Sewaktu sarapan kesokan paginya, Tun Abdul Razak bertanyakan harga ubat gigi dan krim rambut. Pembantu peribadi Tun mengatakan bil pembelian akan dimasukkan dalam tuntutan perbelanjaan perjalanan. Pembantu peribadi tersebut ditegur dan Tun menegaskan bahawa adalah salah untuk perbelanjaan peribadi seseorang itu dibayar dari sumber kewangan kerajaan.

Tun Abdul Razak pernah berhasrat membina kolam renang di Sri Taman untuk mengelakkan dari mengganggu ahli-ahli lain apabila beliau menggunakan kolam renang di Kelab Taman Tasik. Seorang kenalan peribadi, menganggarkan kos, dua puluh ribu ringgit untuk membina sebuah kolam renang ketika itu. Apabila Jabatan Kerja Raya mengemukakan anggaran kos enam puluh ribu ringgit, Tun Abdul Razak membatalkan hasrat beliau kerana berasa bersalah menggunakan wang sejumlah itu, bagi membina kolam renang di kediaman Perdana Menteri. Pegawai peribadi Allahyarham mencadangkan supaya kerja membina kolam renang tersebut diberikan kontrak kepada kenalan peribadi Tun dengan kos dua puluh ribu ringgit. Tun Abdul Razak menolak saranan tersebut kerana tidak

mahu integriti beliau terjejas dengan memberikan kontrak kepada seorang ahli perniagaan kenalan peribadi.

**Episod Keempat:** Ketika Tun Dr. Ismail (Allahyarham) meninggal dunia, Tun Hussein Onn (Allahyarham) berada di London. Tun Hussein Onn ketika itu adalah Menteri Pelajaran Malaysia, bercuti ke London bersama Toh Puan Suhaila untuk menghadiri acara konvokesyen anak mereka. Tun Hussein menggunakan duit sendiri, membeli tiket pulang balik pakej ekonomi untuk dirinya dan Toh Puan Suhaila. Setelah jasad Tun Dr. Ismail (Allahyarham) selamat disemadikan, Tun Abdul Razak meminta Tun Hussein Onn segera balik ke Malaysia. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London diminta menghubungi Tun Hussein Onn untuk menyampaikan permintaan Tun Abdul Razak. Tun Hussein menjawab bahawa tiket penerbangan pakej ekonominya, tidak membolehkan dia menukar tarikh perjalanan. Mendengar jawapan tersebut, Tun Abdul Razak telah meminta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London membeli tiket baru untuk Tun Hussein dan Toh Puan Suhaila. Arahan tersebut dimaklumkan, tetapi Tun Hussein bertegas menolak dengan mengatakan adalah menyalahi peraturan kewangan untuk kerajaan membiayai perjalanan beliau yang sedang bercuti dan bukannya melakukan tugas rasmi di London; sedangkan tujuan Tun Abdul Razak memanggil Tun Hussein segera pulang adalah untuk berunding melantik beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Empat episod tersebut adalah antara contoh yang dipamerkan oleh watak-watak berintegriti tinggi. Empat episod tersebut wajar dijadikan pedoman. Integriti yang dipamerkan melalui episod-episod tersebut mengukuhkan ungkapan kata seorang ahli falsafah Amerika, Hannah Arendt.

91

92

Petikan:

*“Power is actualized only when word and deed have not parted company”.*

Ungkapan kata Hannah Arendt amat selari dengan ayat 2 dan ayat 3 Surah Ash-Shaff yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat. Amat besar kebencian di sisi ALLAH bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”

Sering berlaku apabila sesebuah negara menjadi kaya, nilai-nilai moral dan rohaniah yang berperanan penting membantu pembangunan negara di peringkat awal, begitu mudah dilupakan. Cendekiawan kurun keempat belas, yang boleh dianggap ahli sosiologi pertama dalam sejarah, Abdul Rahman Ibn Khaldun berpendapat bahawa apabila masyarakat mendapat kemewahan, perwatakan mereka sering menjadi lemah.

Tahir bin Husayn, seorang Jeneral, Gabenor dan ilmuwan pada zaman Kerajaan Abbasiyah, dalam surat yang diutus sebaik sahaja anaknya, Abdullah dilantik ke jawatan Gabenor di Mesir, mengandungi kata-kata berikut:

Petikan:

“Pertukaran dari rahmah ILAHI kepada kemurkaan Nya, cepat berlaku, apabila orang diberikan kuasa, tidak mengiktiraf rahmat yang Tuhan berikan, dan apabila mereka yang berkedudukan di dalam Kerajaan pula, tidak bersyukur dengan

pemberian Tuhan, lalu menganggap diri mereka itu sebagai manusia terhebat, sedangkan ia adalah hasil dari rahmat dan anugerah Tuhan kepada mereka”

Abdullah dinasihatkan agar sentiasa merujuk kepada cendekiawan, mengasih orang yang jujur, ikhlas dan mulia serta sentiasa bersama mereka yang tidak takut memberi nasihat yang benar.

Hari ini dunia bagaikan menghadapi paradoks untuk mentadbir urus kejayaan setelah kejayaan dicapai. Sifat tamak – sifat haloba – sifat bongkak – sifat angkuh, semakin berada di tengah pentas. Sifat sederhana - sifat rendah diri – sifat jujur - sifat ikhlas, bagaikan semakin jauh tersisir. Kini, semakin berlaku jurang yang luas di antara imej luaran dengan kandungan dalaman; kecantikan palsu luaran dijelmakan di sebalik kosmetik hingga terlindung kehodohan dalaman; membawa kepada persoalan adakah semakin tinggi kejayaan dicapai, akan semakin terhakis integriti insan. Maha Suci Allah Subhanahu Wata’ala yang telah berfirman,

“Wahai Adam, diamilah oleh kamu dan isteri mu syurga ini, dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim ”.

Terjemahan ayat 35, Surah Al-Baqarah.

“Dan Sesungguhnya telah Kami perintahkan kepada Adam dahulu, maka ia lupa (akan perintah itu), dan tidak Kami dapatinya kemahuan yang kuat”.

93

"Lalu syaitan membisikkan fikiran jahat kepadanya, dengan berkata: "Hai Adam, mahu kah aku tunjukkan kepada kamu pohon khuldi dan kerajaan yang tidak akan binasa? "

"Maka keduanya memakan dari buah pohon itu, lalu nampaklah bagi keduanya auratnya dan mulailah keduanya menutupinya dengan daun-daun (yang ada di) syurga, dan durhakalah Adam kepada Tuhan maka sesatlah ia "

Terjemahan ayat 115, 120 dan 121, Surah Thaha.

Ayat 35 Surah Al Baqarah dan ayat-ayat 115, 120 dan 121 Surah Thaha, menyentuh, pertama: perintah yang ditetapkan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala; kedua: pengaruh negatif yang memesongkan minda manusia; ketiga: sifat alpa insan hingga terlanggar perintah yang ditetapkan; keempat: ketegasan ALLAH Subhanahu Wata'ala melaksanakan hukum. Peristiwa tersebut boleh ditafsirkan sebagai bermulanya pelanggaran amanah kerana pengaruh jahat syaitan. Peristiwa memakan buah dari pohon yang syaitan namakan khuldi itu, ada kaitan dengan aspek melanggar amanah dan penghakisan integriti.

Ketika berlakunya peristiwa tersebut, Nabi Adam Alaihissalam berada di dalam kesenangan syurga, dilimpahi segala nikmat yang dijamin oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala, "tidak akan kelaparan, tidak akan merasa dahaga, tidak akan telanjang, tidak akan ditimpa panas matahari"; tetapi ALLAH turut memberi peringatan "iblis adalah musuh". Nabi Adam Alaihissalam, hanya menghadapi satu sumber godaan dari iblis. Pun demikian, godaan yang satu

itu, telah mengalpakan Baginda hingga terlanggar perintah yang diamanahkan; lalu Baginda dihukum keluar dari syurga.

Peristiwa tersebut wajib dijadikan iktibar, dijadikan petunjuk, dijadikan peringatan; bahawa ujian pertama ALLAH Subhanahu Wata'ala ke atas insan, menyentuh subjek amanah – menyentuh subjek integriti. Secara equation, ia melambangkan, keinginan mendapatkan kuasa, merupakan pintu pertama membolehkan iblis mencelah masuk, melakukan pemesongan terhadap iman seorang insan. Iblis berjanji kepada Nabi Adam Alaihissalam untuk memberikan kuasa; janji palsu "pengekalan kuasa" seperti yang terkandung di akhir ayat 120 Surah Thaha, yang bermaksud, "...aku tunjukkan kepada kerajaan yang tidak akan binasa". Betapa dinding ketahanan integriti insan telah ditembusi dengan godaan tarikan untuk mendapatkan kuasa. Peristiwa tersebut turut membuktikan keadilan ILAHI, menguatkuaskan hukum tanpa memilih kasih. Nabi Adam Alaihissalam adalah ciptaan ILAHI, dimuliakan, dikurniakan status Khalifah, diperkenankan hidup di dalam syurga. Namun apabila peraturan gagal dipatuhi, hukuman dilaksanakan secara tegas lagi segera.

Hari ini, godaan menghakis integriti lebih pelbagai wajahnya – lebih beraneka rupanya; tidak terbatas kepada sebatang pohon khuldi. Ia berbentuk pangkat dan gelaran, wang ringgit dan wanita cantik, intan berlian, zamrud dan nilam, percutian dan melancong, banglo besar dan kondominium mewah, malah namakan apa sahaja, lebih membimbangkan ia termasuk pakej-pakej bertopengkan ibadah - bertopengkan agama, dari keraian berbuka puasa di hotel lima bintang sehingga

tajaan melakukan umrah dan mengerjakan haji. Hari ini, godaan menghakis integriti insan di dunia yang fana ini, lebih pelbagai, dengan daya tarikan yang sukar ditolak, memudahkan dinding pertahanan dirempuh, memudahkan iman diruntuh.

Dalam hasrat mahu memperkasakan integriti, kembalilah mengenali asal kejadian insan. Di mana juga anak Adam itu dilahirkan, baik di pondok buruk atau di mahligai besar, ia adalah hamba di sisi tuhan. Setiap seorang darinya akan kembali ke alam baqa, akan melalui perjalanan terakhir, berpakaian kain kapan dan kapas putih, dalam keranda semuat badan; dan setiap seorang darinya akan menghadapi pengadilan di Padang Mahsyar. Junjunglah setiap tugas sebagai amanah, anggaplah setiap tugas sebagai ibadah, mengabadikan diri atas nama ALLAH yang Maha Pencipta, selaras dengan maksud yang terkandung dalam ayat 162, Surah Al An' Aam:

**“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyang ku, ibadat ku, hidup ku, dan mati ku hanyalah untuk ALLAH semesta alam”.**

Semoga ALLAH Subhanahu Wata’ala memberikan panduan dan perlindungan agar kita dapat menemui jalan yang direndai. Amin, Ya Rabul Alamin.

Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Al-Quran, Al-Anfaal (8:27)
2. Bible, Proverbs 2:20-21.
3. Petikan dari Bhagavad Gita.
4. Petikan kata-kata Guru Nanak.
5. The Teaching of Buddha, (Tokyo: Society for the Promotion of Buddhism, 1966) 456
6. Ibid, 366.
7. Jon S.T. Quah, Curbing Corruption in Asian Countries: An Impossible Dream?, (United Kingdom: Emerald Group Publishing Limited, 2011), 25.
8. Quah, 135
9. Amelia P. Varela, “Different Faces of Filipino Administrative Culture”, in P.D. Tapales & N.N. Pilar (Eds) Public Administration by The Year 2000: Looking Back Into The Future, (Quezon City: College of Public Administration, University of Philippines, 1995), 173-174.
10. David Chaikin & Jason C. Sharman, Corruption and Money Laundering: A Symbiotic Relationship, (New York: Palgrave Macmillan, 2009), 160.
11. Craig Wolf, “A World Class Shopper: Imelda Marcos’s New York Trial”, New York Times, 20 April 1990.
12. Alex B. Brillantes Jr and Jose O. Tiu Sonco, “Civil Service Reforms in the Philippines: Its Many Faces, Leaderships and Politics”, in P.S. Kim (Ed), Civil Service System and Civil Service Reform in ASEAN Member Countries and Korea, (Seoul: Daeyoung Moonhwasa Publishing Company, 2010), 221-222
13. Carmen Navarro Pedrosa, Imelda Marcos: The Rise and Fall of the World’s Most Powerful Women, (New York: St. Martin’s Press, 1987), 222.
14. John Andrews, Pocket Asia, (London: Profile Books, 7th Edition, 2002) 152.
15. Maria Lourdes G. Rebullida, “The Executive: Marshall Law, Constitutional Authoritarianism, and The Marcos Administration”, in N.M. Morada & T.S.E. Tadem (Eds), Philippines Politics and Governance: An Introduction, (Quezon City: Department of Political Science, University of Philippines, 2006), 153-178.
16. Qua, 73
17. Madhu Trehan, Tehelka as metaphor: Prism Me A Lie, Tell Me A Truth, (New Delhi: Roli Books, 2009). 1-2.
18. Larry Kilman, “The Role of The Press In Fighting Corruption”, Paper presented at the Fourth Global Forum on Fighting Corruption in Brasilia, Brazil, 8 June 2005.
19. Quah, 35.
20. Terry Macdougall, “The Lockheed Scandal and the High Cost of Politics in Japan”, in A.S. Markovits & M. Silverstein (Eds), The Politics of Scandal: Power and Process in Liberal Democracies, (New York: Holmes and Meier Publishers, 1988), 193-195.
21. Ibid, 197-198.
22. Ibid,
23. Rei Shiratori, “Political Finance and Scandal in Japan” in H.E. Alexander dan R. Shiratori (Eds), Comparative Political Finance Among The Democracies, (Boulder: Westview Press, 1994), 189.
24. Quah, 112
25. Ibid.
26. Russell Watson, “How To Spend A Billion: Imelda Marcos Squandered Her Country’s Money And Her Own Reputation”, Newsweek, 24 March 1986, 14-17.
27. Quah, 74.
28. Larry Kilman, 1-8. <https://bvc.cgu.gov.br/bitstream/123456789/3428/1/the-role-of-the.pdf>.
29. Quah, 74.
30. Ibid.
31. Luke Harding, “Website pays price for Indian bribery expose”, The Guardian, 6 January 2003; <http://www.guardian.co.uk/technology/2003/jan/06/newsmedia.india>.
32. Quah, 74
33. Louis Allen, “Kakuei Tanaka/Lockheed Affairs (1976-1986)”, in Political Scandals and Causes Celebres Since 1945: An International Reference Compendium, (Harlow: Longman Group UK, 1990), 153-161.
34. Daniel Mabrey, “Lockheed Bribery Scandal”, in J. Gerber & E.L. Jensen (Eds), Encyclopedia of White-Collar Crime, (Westport: Greenwood Press, 2007), 175-177.
35. Roger W. Bowen, Japan’s Dysfunctional Democracy: The Liberal Democratic Party And Structured Corruption, (Armonk: M. E. Sharpe, 2003), 5-6.
36. Shraysi Tandon, “Corruption The Main Games in India”, ABC News, 1 Oktober 2010.
37. Amanda Hodge, “India Rules Out Probe Into Games Graft”, The Australian, 6 August 2010.
38. International Herald Tribune, 9-10 June, 1&2.
39. Albrecht Rothacher, “Political Corruption in Japan”, in M.J. Bull & J.L. Newell (Eds) Corruption in Contemporary Politics, (Basingstoke: Palgrave Macmillan, 2003), Bab 9.
40. Quah, 42.
41. Ibid. 43.
42. Sahih al-Bukhari dan Muslim.
43. Quah, 302.
44. New York Times, 2 June 1997.
45. Quah, 307

46. Mark L. Clifford, Troubled Tiger: Businessmen, Bureaucrats, and Generals in South Korea, (Armonk: M. E. Sharpe, 1998), 330.
47. Quah, 307-308
48. Kihl Young Wan, Transforming Korean Politics: Democracy, Reform and Culture, (Armonk: M.E. Sharpe, 2005), 134.
49. Quah, 308.
50. Quah, 314.
51. Quah, 330.
52. Pan Suk Kim, "Building National Integrity Through Corruption Eradication in South Korea", in B. Bidhya & C. Wescott (Eds), Comparative Governance Reform In Asia: Democracy, Corruption, And Government Trust, (Bingley: Emerald Group Publishing, 2008), 159.
53. Sir Alastair Blair-Kerr, First Report of a Commission of Enquiry (July), (Hong Kong: Government Printer, 1973), 5-6.
54. Kuan Hsin-chi, "Anti-Corruption Legislation in Hong Kong – A History", in R.P.L. Lee (Ed), Control and Its Control in Hong Kong: Situations Up To The Late Seventies, (Hong Kong: Chinese University Press, 1981), 15-43.
55. Henry J. Lethbridge, Hard Graft in Hong Kong: Scandal, Corruption, the ICAC, (Hong Kong: Oxford University Press, 1985), 111.
56. Ibid, 111-112.
57. Quah, 239.
58. Quah, 230
59. Ibid
60. Ibid
61. Quah, 200
62. Parliament of Singapore, "Report of the Commission of Inquiry on investigation concerning the late The Cheang Wan". CMD 18 of 1987 (Singapore: Singapore National Printers, 1987)
63. Quah, 200.
64. Lee Kuan Yew, From Third World To First, The Singapore Story: 1965-2000, (Singapore: Times Media, 2000) 187-189.
65. Quah, 199.
66. Karl von Vorys. Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia, (London: Oxford University Press, 1976) 391.
67. Ibid, 392.
68. Ibid.
69. Ibid, 393.
70. Ibid, 393.
71. Ibid. 394.
72. Ibid 393.
73. Ibid 394.
74. Raja Azlan Shah F.J., "Public Prosecutor v. Datuk Haji Harun bin Haji Idris" 1 M.L.J. 1977, 32.
75. Al-Quran, Al-Qashash (28:26)
76. Al-Quran, Ash-Shaff (61: 2 & 3)
77. Chandra Muzaffar, "Mewujudkan Sebuah Masyarakat Berintegriti", dalam Integriti Politik di Malaysia, (Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia, 2007), 133.
78. Ibid.
79. Wan Mohd. Nor Wan Daud, "Integriti dan Mas'uliah Dalam Kepimpinan", dalam Integriti Politik di Malaysia, (Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia, 2007), 42.
80. Ibid. 44.
81. Al-Quran, Al-Baqarah (2:14)
82. Al-Quran, Thaha (20:115)
83. Al-Quran, Thaha (20:120)
84. Al-Quran, Thaha (20:121)
85. Al-Quran, Thaha (20: 118-119)
86. Al-Quran, Thaha (20:117)
87. Al-Quran, Thaha (20: 123)
88. Al-Quran, Al An'aam (6:162)

**ATURCARA****KONVENSYEN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2013**

Isnin, 20 Mei 2013 Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya  
Dewan A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya

<b>Masa</b>	<b>Agenda</b>
8.00 pagi	Ketibaan peserta
8.15 pagi	Ketibaan Pengerusi dan Pesuruhjaya
8.30 pagi	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan serta Ahli-ahli Panel
8.40 pagi	Bacaan Doa
8.50 pagi	Ucapan Alu-aluan
	Datuk Heliliah Mohd Yusof
	Pengerusi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan
	Forum:
	<b>"Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan: Satu Analisis Kritikal"</b>
	Ahli Panel:
	Tun Dato' Seri Abdul Hamid Haji Mohamad (Mantan Ketua Hakim Negara)
	Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Mantan Ketua Setiausaha Negara)
	Datuk Dr. Khaw Lake Tee (Mantan Naib Pengerusi SUHAKAM)
	Moderator:
	Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan
10.15 pagi	Rehat
10.30 pagi	Peserta mengambil tempat di Dewan A
11.50 pagi	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
11.00 pagi	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ke Dewan A
11.05 pagi	Ucapan Alu-aluan
11.10 pagi	Datuk Heliliah Mohd Yusof
	Pengerusi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasaan
	<b>TITAH DIRAJA</b>
	Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
	<b>"Ke Arah Memperkasakan Integriti"</b>
12.20 tengah hari	Persembahan Cenderamata kepada Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
12.25 tengah hari	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
12.35 tengah hari	Jamuan Tengah Hari di Dewan A

